AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤليتا بروني
# PELITA BRUNEI

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahui". - Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Anfal, ayat 27.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.06 | DUHA 6.29 | ZUHUR 12.09 | ASAR 3.23 | MAGHRIB 6.09 | ISYAK 7.18 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 121 | 9 OKTOBER 2023 / 1445 ربيع الأول 23 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA




# ISTIADAT PERKAHWINAN DIRAJA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara memaklumkan bahawa insyaAllah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah binti Adam.

Majlis-majlis bagi Istiadat Perkahwinan Diraja ini akan dimulai dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang akan diadakan pada hari Ahad, 25 Jamadilakhir 1445 bersamaan 7 Januari 2024 dan diikuti dengan Majlis Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga, yang akan diadakan pada hari Isnin, 26 Jamadilakhir 1445 bersamaan 8 Januari 2024.

Sementara itu, Majlis Istiadat Menghantar Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja juga Majlis Istiadat Menerima Tanda Diraja dan Pertunangan Diraja akan diadakan pada hari Selasa, 27 Jamadilakhir 1445 bersamaan 9 Januari 2024.

Majlis Istiadat Berbedak Pengantin Diraja akan diadakan pada hari Rabu, malam Khamis, 29 Jamadilakhir 1445 bersamaan 10 Januari 2024.

Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja akan diadakan pada hari Khamis, 29 Jamadilakhir 1445 bersamaan 11 Januari 2024.

Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja dan seterusnya Pengantin Diraja diarak sekeliling Bandar Seri Begawan akan diadakan pada hari Ahad, 2 Rejab 1445 bersamaan 14 Januari 2024.

Majlis Persantapan Diraja akan diadakan pada hari Isnin, malam Selasa, 4 Rejab 1445 bersamaan 15 Januari 2024 manakala Majlis Istiadat Membaca Doa Selamat dan Menutup Gendang Jaga-Jaga akan diadakan pada hari Selasa, 4 Rejab 1445 bersamaan 16 Januari 2024.

# Berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran PPPBD



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (*Lihat muka 3 hingga 4*).**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



TINGKATKAN kesedaran, pengetahuan tahap perkembangan anak-anak Muka 7



PERKHIDMATAN pos perlu berinovasi mengikut peredaran masa Muka 10



TINGKAT kesedaran cara tangani kesihatan mental Muka 19



RENCANA

234 orang bakal guru ugama dilahirkan Muka 20

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Belia negara perlu bersifat rabbani, berakhlak kukuh, padu

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen**
**Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiyaie Mursalin**
**Saidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH**, segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia, rahmat, inayah dan izin-Nya jua, kita semua diberikan kesempatan untuk sama-sama berkumpul di majlis pada pagi ini.

Terlebih dahulu, peramba / saya dengan tulus ikhlas sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) di atas ingatan baik mengundang peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Program Kepimpinan dan Pengimarahan Masjid bagi Mahasiswa-mahasiswi KUPU SB anjuran Pusat Ilmu Teras, KUPU SB dengan kerjasama Bahagian Imarah JHEM seterusnya menyampaikan ucapan dan menyempurnakan pelancaran di majlis ini sebentar nanti.

Ucapan tahniah dan syabas peramba / saya tujukan kepada penganjur iaitu : Pusat Ilmu Teras, KUPU SB dengan kerjasama Bahagian Imarah JHEM kerana telah berjaya mengungkayahkan program yang julung-julung kalinya diadakan ini. Syabas sekali lagi.

Peramba / saya percaya program yang dilaksanakan ini adalah suatu usaha murni yang mencerminkan kesungguhan usaha, pemedulian tinggi, komitmen dan kesedaran pihak kerajaan melalui institusi-institusi pendidikan dan pengajian tinggi terhadap pentingnya melibatkan para remaja belia dalam kalangan pelajar-pelajar dalam aktiviti pengimarahan masjid khususnya yang berkaitan dengan pendidikan. Peramba / saya percaya usaha ini merupakan salah satu wadah ke arah merealisasikan Wasasan Brunei 2035 khususnya dalam bidang pendidikan.

Kegemilangan sesebuah tamadun tidak akan tercapai tanpa sokongan para belia yang bercirikan rabbani yang mempunyai akhlak yang kukuh dan padu. Pembangunan manusia rabbani ialah membangunkan manusia ke arah kehidupan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru, pembangunan belia rabbani ialah proses membentuk akhlak belia agar selari dengan kehendak Al-Quran dan Al-Hadis agar mereka sentiasa, tunduk, patuh dan taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri menerima asuhan dan didikan yang bersifat rabbani sehingga peribadi Baginda terbentuk dengan akhlak rabbani. Al-Quran menjadi asas utama pembentukan akhlak yang paling terpuji.

Ketika proses pembangunan belia rabbani didukung menerusi institusi-institusi pendidikan formal masa kini, peranan masjid juga tidak boleh diketepikan. Fungsi masjid bukan sekadar tempat peribadatan dan aktiviti kerohanian semata-mata. Sejarah telah membuktikan bahawa masjid adalah pusat pelbagai kegiatan masyarakat dan negara. Antaranya sebagai pusat perkembangan ilmu dan dakwah, pusat pertemuan dan pembangunan aktiviti, pusat kegiatan sosial, kebajikan dan sebagainya. Ia sekali gus menyumbang kepada pembinaan modal insan dan perkembangan tamadun Islam.

Justeru itu, Khaldun dalam kitabnya 'Muqaddimah Ibnu Khaldun' menyebutkan bahawa pengurusan masjid yang cemerlang pada zaman awal kebangkitan Islam telah dapat melahirkan ramai tokoh ulama yang bertebaran di seluruh dunia Islam.

Melihat kepada realiti kehidupan masa kini pelbagai isu dan cabarannya, maka sudah setentunya keterlibatan golongan muda dan belia dalam aktiviti dan program pengimarahan masjid adalah sangat signifikan. Tenaga dan potensi mereka boleh digilap dan ditarbiah agar mereka dapat lahir menjadi insan rabbani. Belia merupakan sumber tenaga manusia yang perlu dibimbing, dididik dan dilatih agar benar-benar menjadi aset negara dan generasi penerus kebangkitan umat Islam dan sumber kekuatan umat pada masa depan. Kekuatan fizikal dan kesegaran pemikiran mereka mestilah diberi perhatian sepenuhnya sebagai sumber tenaga manusia yang penting untuk pembangunan negara.

Oleh itu, melalui institusi masjid, pihak pengurusan atau pentadbiran perlulah bijak dengan terus memainkan peranan dan sikap proaktif bagi menarik golongan belia agar turut serta dalam program-program pengimarahan masjid.

Maka yang demikian, peramba / saya secara peribadi amat mengalu-alukan inisiatif KUPU SB dengan kerjasama JHEM mengadakan Program Kepimpinan dan Pengimarahan Masjid bagi Mahasiswa-mahasiswi KUPU SB ini. Usaha ini tidak syak lagi merupakan satu usaha yang amat signifikan sesuai dengan KUPU SB merupakan sebuah institusi pendidikan perguruan berstatus universiti yang menawarkan program pendidikan perguruan khusus dalam bidang ugama Islam yang mana matlamat penubuhan KUPU SB adalah untuk melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba Allah dan khalifah yang berwibawa dalam pendidikan perguruan Islam untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertakwa menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah bermazhab Syafii serta mendukung kedudukan ugama Islam sebagai ugama rasmi negara dan konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB).



**TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Kepimpinan dan Pengimarahan Masjid Mahasiswa-mahasiswi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan pada Sabtu, 14 Rabiulawal 1445 Hijrah bersamaan 30 September 2023 Masihi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.**

**>> Muka 11**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OKTOBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | ISNIN | 23 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 10 | SELASA | 24 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.09 | 3.23 | 6.09 | 7.18 |
| 11 | RABU | 25 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.29 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.18 |
| 12 | KHAMIS | 26 | 4.39 | 4.49 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.08 | 7.17 |
| 13 | JUMAAT | 27 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.07 | 7.17 |
| 14 | SABTU | 28 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.08 | 3.24 | 6.07 | 7.17 |
| 15 | AHAD | 29 | 4.38 | 4.48 | 6.06 | 6.28 | 12.07 | 3.24 | 6.07 | 7.16 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 34 24 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 33 24 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 33 24 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 9 OKTOBER 2023

### YSHHB – Tanda pemedulian Kebawah DYMM untuk rakyat

**YAYASAN** Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah ditubuhkan pada 5 Oktober 1992 Masihi sempena Sambutan Jubli Perak Menaiki Takhta atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sejak ditubuhkan, YSHHB adalah wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli kerabat baginda telah banyak menghulur bakti untuk kemaslahatan rakyat jelata. Penubuhan YSHHB ini amat bermakna sebagai pemedulian, terutama kepada rakyat baginda yang kurang berkemampuan dan memerlukan untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Pada tahun ini, menandakan 31 tahun penubuhannya, yang mana YSHHB telah melaksanakan pelbagai program, projek dan aktiviti untuk meningkatkan dan merangsang perkembangan sosioekonomi serta kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

YSHHB juga terus memberikan perkhidmatan dan menjalankan urusan dengan cekap, berkesan dan penuh dedikasi kepada semua pihak antaranya dalam menguruskan amal jariah baginda dan kerabat baginda secara profesional bagi memenuhi aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Dalam bidang pendidikan, YSHHB menyumbang untuk meningkatkan mutu pendidikan dengan Majlis Penganugerahan Biasiswa Sultan's Scholar YSHHB kepada pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran di luar negara.

YSHHB juga menyampaikan bantuan berupa sumbangan kewangan bagi tujuan membaik pulih rumah keluarga yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan agar mereka dapat hidup dengan selesa.

Ini adalah untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pemedulian terhadap keperluan asasi golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan termasuk memberikan tempat tinggal yang sempurna dan selamat.

YSHHB juga menyampaikan sumbangan kewangan bagi yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan rumah roboh. Sumbangan ini merupakan bantuan segera dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka. Tidak dilupakan juga sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara di mana ini selaras dengan dasar dan tujuan YSHHB dalam mempertingkatkan syiar Islam di negara ini.

Selain itu, YSHHB juga menguruskan pembahagian Kurnia Peribadi Kebawah DYMM iaitu buah kurma, pakaian ihram dan telekung yang merupakan projek tahunan YSHHB. Kurnia-kurnia ini sangat berharga bagi seluruh rakyat dan sangat bertuah dilahirkan sebagai rakyat di Negara Brunei Darussalam.

Penubuhan YSHHB terbukti menjadi lambang dan wadah pemedulian Kebawah DYMM bersama kerabat diraja baginda untuk rakyat dan penduduk negara ini. Selaku rakyat dan penduduk negara ini, kita wajib taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah DYMM kerana sikap pemedulian baginda dan kerabat baginda sangat disanjung tinggi. – **Ketua Penyuntingan (Ri)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS KHATAM AL-QURAN PPPBD





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. Berangkat sama, anakanda-anakanda baginda (atas dan kiri).**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**JERUDONG**, Ahad, 8 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong.

Berangkat sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Dipertua PPPBD; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berserta kerabat diraja dijunjung oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir PPPBD.

Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri, PPPBD merupakan salah satu daripada kegiatan tahunan persatuan yang antara lain diadakan khusus bagi meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Selain itu, ia juga bagi meraikan dan menghargai sumbangan jasa dan bakti Ahli-ahli PPPBD yang telah lama berkhidmat bersama persatuan dan aktif dalam kegiatan kepanduan serta memupuk budaya membaca, memahami dan mendalami Al-Quran dalam kalangan ahli persatuan sekali gus ahli-ahli dari aspek kerohanian dan untuk ahli-ahli lebih mendekatkan diri kepada Al-Quran yang merupakan panduan hidup yang lengkap.

Dalam sembah alu-aluannya, Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti menyembahkan bahawa Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri tahun ini diabadikan sebagai satu persembahan yang murni, pada mengambil sukut sempena dengan Ulang Tahun Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

"Disembahkan bahawa majlis meraikan Hari Pandu Puteri pada tahun ini adalah diselajurkan dengan majlis memperingati sejarah Penubuhan Persatuan Pandu Puteri yang Ke-70 Tahun sejak Perlembagaan Pandu Puteri ini diluluskan di London pada tahun 1951. Sejak itu, sejarah PPPBD telah bermula apabila persatuan ini telah didaftarkan di Kuala Belait pada tahun itu juga," sembahnya.

Sejak tahun 1984 itu sembah beliau, persatuan ini semakin melebarkan penglibatannya di peringkat antarabangsa sejajar dengan kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang merdeka, di samping menambah giat lagi pelbagai aktiviti di dalam negara, bagi mengukuhkan lagi teras dan komitmennya dalam sama-sama menyumbang tanggungjawab untuk memakmurkan negara yang tercinta ini.

Dayang Hajah Viviyanti seterusnya menyembahkan, hala tuju persatuan ini akan sentiasa diperbaiki dalam mencapai matlamat persatuan untuk anak-anak muda perempuan dan meningkatkan usaha-usaha sejajar dengan moto persatuan iaitu 'Siap Sedia' (Be Prepared) dalam mendukung falsafah negara ke arah Wawasan Brunei 2035.

"Seterusnya, sebagai sebuah persatuan sentiasa berpegang teguh kepada Islam dan selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja, persatuan ini sentiasa cakna atau mengambil berat dalam penerapan nilai murni agama Islam.

"Contohnya, kegiatan keagamaan seperti pertandingan membaca Al-Quran dalam kalangan ahli-ahlinya, telah menjadi satu aktiviti utama di dalam kalendar PPPBD.

**>> Muka 4**





**TIMBALAN Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Md. Ali dalam sembah alu-aluannya.**

**ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD, berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (atas kanan, bawah dan bawah kanan).**







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menadahkan tangan semasa doa dibacakan. Berangkat sama, anakanda-anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.

>> Muka 3

"Atas sebab itu juga, abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sangat bersyukur kerana dikurniai peluang berhimpun lagi bagi Majlis Khatam Al-Quran, yang menjadi aktiviti dalam meraikan Sambutan 70 Tahun Hari Pandu Puteri. Aktiviti Khatam Al-Quran ini diungkayahkan bersama kira-kira 250 orang Ahli Pandu Puteri.

"Aktiviti ini juga dilaksanakan mengambil sukut dan sebuah persembahan yang tulus dari Persatuan Pandu Puteri kepada Penaung Diraja yang amat dikasihi dan disanjungi, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan disempenakan dengan Hari Puja Usia Kebawah Duli Tuan Patik," tambahnya.

Pada majlis tersebut, sebanyak empat kumpulan pembaca yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tadbir, Pemimpin-pemimpin Dewasa, Pemimpin-pemimpin Muda, Pandu Puteri Ranjer dan Pandu Puteri telah menyelesaikan bacaan masing-masing untuk melengkapkan bacaan kesemua 30 Juz Al-Quran bagi kumpulan masing-masing.

Majlis Khatam Al-Quran bermula dengan bacaan surah-surah yang dimulai dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Ghani.

Ini diikuti dengan bacaan doa memulakan bacaan Al-Quran dan Takhtim oleh peserta-peserta Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri 2023 yang dipimpin oleh peserta-peserta Khatam Al-Quran dari Unit Pemimpin Muda Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Unit Pemimpin Muda Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Sementara itu, Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Pemimpin Unit Pemimpin Muda UNISSA, Dr. Mariam binti Haji Abdul Rahman, manakala bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam pula dikepalai oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri turut dijunjung memotong Kek Ulang Tahun sempena Hari Puja Usia baginda dan seterusnya berkenan menerima pesambah.

PPPBD telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Februari 1951 bila mana Perlembagaan PPPBD diluluskan oleh Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri (Imperial Headquarters) di London dan diterima menjadi ahli bersekutu World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) pada 26 Julai 1987. Setakat ini bilangan keahlian PPPBD ialah seramai 1,500 orang ahli.

Semenjak penubuhannya, PPPBD telah menjalankan pelbagai kegiatan serta projek kepanduan yang berunsur keugamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar dan kemahiran.

Ahli-ahli PPPBD juga terlibat dalam pelbagai latihan, bengkel dan kursus perkembangan, perkhemahan dan persidangan yang diadakan di dalam dan luar negeri.

Sebagai sebuah persatuan yang mempunyai matlamat untuk Memperkasa Golongan Perempuan (Empowering Young Women and Girls), setiap kegiatan dan projek yang dirancang oleh PPPBD adalah khusus untuk membantu perkembangan diri dan sahsiah ahli-ahli persatuan dari peringkat umur kanak-kanak perempuan lagi.

Sebagai entiti negara, persatuan ini turut melambangkan dan menyebarkan tradisi masyarakat Brunei sambil menyesuaikan diri untuk memenuhi tahap-tahap sedunia seperti yang dikehendaki oleh WAGGGS.

Tugas seperti itu dibuat dengan penuh azam di negara ini dan melibatkan penyertaan aktif bukan sahaja oleh ahli-ahli persatuan tetapi juga sokongan yang amat dihargai daripada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri selaku Penaung Diraja PPPBD.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Naib-naib Yang Dipertua Sepanjang Hayat PPPBD, Datin Paduka Hajah Zaharah binti Haji Idris dan Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan memotong Kek Ulang Tahun sempena Hari Puja Usia baginda (atas). Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berangkat ke Majlis Khatam Al-Quran.







SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Pandu Puteri Tahun 2023, PPPBD (kiri, atas tengah dan atas kanan).

# KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan bergambar bersama Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam sempena Hari Puja Usia baginda (kanan). Manakala gambar atas, baginda berkenan bersalaman pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman.**

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam sempena Hari Puja Usia baginda.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-Ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (atas, kanan dan bawah kiri).**





**BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah.**

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



**YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara keagamaan yang disambut setiap tahun pada peringkat kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam.

Sambutan ini bukan sekadar untuk memperingati Hari Ulang Tahun Kelahiran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah ia menjadi wadah terbaik dalam menyantuni masyarakat meneladani susur kehidupan, perjuangan dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Pengarah Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Omar dalam ceramahnya yang bertajuk 'Sunnah Rasulullah, Panduan Kehidupan' menjelaskan bahawa Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan pengajaran dan tauladan yang baik kepada umat Islam termasuk masyarakat yang bukan beragama Islam di negara ini.

Majlis tahunan yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat berkenaan diharap dapat mencapai penyatuan semangat, perasaan cinta dan kasih kepada junjungan besar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sentiasa menyayangi dan merindui umatnya. Sudah menjadi fitrah manusia bahawa memperingati tarikh kelahiran seseorang adalah tanda kita mengasihi kehidupannya.

Juga hadir, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis-Majlis Mesyuarat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar; dan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.



**PENGARAH Pusat Pengajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Omar dalam ceramahnya.**




## Jabatan Hal Ehwal Masjid





**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir dan Jemaah Masjid serta Muslimah Masjid Senegara bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H / 2023M (atas dan bawah kanan).**

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**SERUSOP**, Ahad, 8 Oktober. - Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong muncul juara bagi Kategori Lelaki manakala bagi Kategori Perempuan dimenangi oleh Masjid Kampung Batu Apoi Temburong pada Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) dan Jemaah Masjid serta Muslimah Masjid Senegara bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H / 2023M.

Naib johan Kategori Lelaki disandang oleh Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan manakala tempat ketiga milik Masjid Kampung Sungai Hanching.

Bagi Kategori Perempuan naib johan disandang oleh Balai Ibadat Mukim Saba dan tempat ketiga diraih oleh Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman pada majlis yang berlangsung di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop, di sini.

Pertandingan Dikir Brunei tersebut diungkayahkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama AJKT Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop.

Dikir Brunei merupakan salah satu khazanah yang bernilai yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan merupakan salah satu kebudayaan berugama yang telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat Brunei sejak zaman berzaman.

Sebanyak 10 pasukan berentap dalam pertandingan tersebut terdiri daripada enam pasukan lelaki dan empat pasukan perempuan.

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk melahirkan Pegawai Masjid, AJKT, Jemaah dan Muslimah Masjid yang pandai melagukan lagu-lagu Dikir Brunei sekali gus dapat mempertahankan lagu-lagu Dikir Brunei agar tidak pupus ditelan zaman.

Di samping mengetahui teknik-teknik alunan dikir dengan betul, pertandingan tersebut juga dihasrat untuk menambah keyakinan diri para peserta khususnya, untuk mengikuti pelbagai pertandingan dikir dan seterusnya dapat mengeratkan silaturahim sesama mereka.

Semoga dengan adanya pertandingan seumpama ini diharap akan dapat memeriahkan dan menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui acara-acara keagamaan.

# 'MUNAJAT YANG DITERIMA DAN YANG DITOLAK' SERIKAN MALAM MUNAJAT KE-106

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama antara yang hadir pada Malam Munajat Ke-106.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. – Allah Subhanahu Wata'ala akan memakbulkan doa hamba-Nya apabila hambanya itu memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala, lebih-lebih lagi dalam keadaan tertentu.

Namun, permohonan hambanya itu akan ditolak sekiranya makanan, minuman dan pakaiannya terdiri daripada yang haram.

Perkara berkenaan antara inti pati tazkirah bertajuk 'Munajat Yang Diterima dan Yang Ditolak' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Azman bin Haji Kassim dari Masjid Kampung Pintu Malim bagi menyemarakkan Malam Munajat Ke-106.

Acara munajat berkenaan juga turut mengundang tetamu khas, Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof dari Masjid Kampung Pintu Malim yang juga turut memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Mengimarahkan lagi acara berkenaan ialah Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam; Ahli Jawatankuasa Takmir dan belia serta jemaah Masjid Kampung Pintu Malim dan masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat yang keseluruhannya 87 buah di seluruh negara.

Juga meramai-ramaikan acara tersebut, warga kerja Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan jabatan-jabatan serta institusi pendidikan di bawahnya bersama keluarga daripada kediaman masing-masing.

Sejurus selesai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diteruskan lagi dengan bacaan Ratib Al-Attas beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Pengiran Haji Khairul Ikhwan bin Pengiran Haji Alit, dari Masjid Kampung Pintu Malim.

Diikuti bacaan Doa Munajat oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali, juga dari Masjid Kampung Pintu Malim.

Sejurus selesai tazkirah, bacaan Selawat Badriyyah dipimpin oleh Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam dari Masjid Kampung Pintu Malim.

Bagi memberkati acara munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Haji Muhd Syukri bin Pengiran Haji Sulaiman, dari Masjid Kampung Pintu Malim.

Malam Munajat anjuran KHEU berkenaan mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

# Tingkatkan kesedaran, pengetahuan tahap perkembangan anak-anak

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



YANG Berhormat Menteri Kesihatan berinteraksi bersama kanak-kanak pada Jerayawara 'Ok Kah Anakku?' bertempat di Ruang Legar, Pusat Membeli-belah OneCity, Kampung Salambigar (atas dan bawah kanan).

**SUNGAI HANCHING,** Ahad, 8 Oktober. - Perkembangan kanak-kanak bermula daripada jangka masa sebelum konsepsi atau *pre-conception period* hinggalah pada tahun-tahun pertama kehidupan kanak-kanak.

Malah, pertumbuhan sel-sel otak berlaku dengan cepat pada masa berkenaan dan ia menjadi asas terpenting dalam perkembangan kognitif dan *socio-emotional* kanak-kanak.

Perkara berkenaan ditekankan oleh Konsultan Pediatrik, Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid selaku Pengerusi Majlis ketika berucap pada Jerayawara 'Ok Kah Anakku?' bertempat di Ruang Legar, Pusat Membeli-belah OneCity, Kampung Salambigar, di sini.

Jangka masa inilah menurutnya, yang amat baik untuk dimanfaatkan dalam merubah *developmental outcome* untuk setiap kanak-kanak dan kejayaan mereka pada masa akan datang.

"Architecture otak kanak-kanak adalah amat sensitif kepada kesan persekitaran luaran.

"Pengalaman negatif, *adversity* ataupun tekanan toksik (*toxic stress*) semasa zaman awal kehidupan kanak-kanak boleh meninggalkan impak negatif seumur hidup kanak-kanak dari segi perkembangan kognitif dan *socio-emotional* mereka dan kejayaan mereka pada masa akan datang," tambahnya.

Dengan mengetahui hal berkenaan katanya, adalah amat penting bagi kita untuk memastikan agar kanak-kanak mempunyai peluang untuk berkembang dengan sebaiknya.

Oleh yang demikian tegasnya, kita seharusnya menumpukan lebih perhatian kepada menyokong para ibu bapa dalam memberikan penjagaan yang terbaik kepada anak-anak mereka.

Pelaburan dalam mempertingkatkan perkembangan awal kanak-kanak atau *early childhood development* tambahnya, adalah pelaburan yang paling menguntungkan dari segi *return of investment* atau ROInya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan jerayawara berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar yang juga kemudiannya menyampaikan sijil-sijil penghargaan kepada para penyumbang.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat juga turut menyaksikan pameran yang berkaitan dengan CDC.

Beberapa agensi turut menjayakan jerayawara berkenaan, antaranya Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan bagi pertanyaan berkaitan dengan sokongan bagi kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah; Unit Pendidikan Khas Ugama, Jabatan Pengajian Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi pertanyaan berhubung sokongan bagi kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah-sekolah ugama; Bahagian Orang Kelainan Upaya, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi pertanyaan mengenai sokongan kewangan dan bantuan; dan Perkhidmatan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja, Jabatan Psikitiari, Kementerian Kesihatan bagi pertanyaan berhubung jenis-jenis bantuan yang boleh diperoleh selepas zaman awal kanak-kanak.

Jerayawara 'Ok Kah Anakku?' yang diadakan oleh CDC berkenaan merupakan salah satu inisiatif CDC untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan para ibu bapa dan penjaga dalam penjagaan dan mengesan perkembangan anak-anak mereka secara lebih mendalam.

Melalui jerayawara berkenaan, mereka juga berpeluang untuk berinteraksi dengan pakar-pakar CDC dan mereka boleh bertanya sebarang soalan atau kebimbangan mengenai anak mereka.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Ang Swee Hui; ketua-ketua jabatan; para pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



PELITA BRUNEI

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Jabatan Perdana Menteri



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya (atas), manakala gambar bawah, majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban. Sementara gambar atas kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Setiap Muslim mengharapkan kehidupan yang bahagia lagi diberkati, dan ini termasuk diberkati dari segi kebaikan rezeki serta kehidupan yang melimpah ruah kebaikannya.

Antara cara untuk mencapai atau meraih keberkatan hidup ini ialah dengan menghidupkan serta mengamalkan sunnah-sunnah Baginda Rasulullah dalam kehidupan seharian.



Perkara tersebut merupakan antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Sunnah Dihayati, Hidup Diberkati' yang disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Ugama, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Badaruddin bin Haji Basar semasa Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Bankuet, JPM, di sini.

Tambahnya, antara amalan yang diamalkan ialah dengan berdoa, berzikir, adab serta mengikuti perbuatan dan sifat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dengan ini menurutnya, kita yakin bahawa akan terhasil atau diraih segala apa yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah iaitu keberkatan hidup dunia apatah lagi kehidupan di akhirat nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir ialah Peguam Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Md. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Kemudian, majlis diteruskan dengan memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pegawai Pelajaran, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Ahmad Zulwaqar bin Haji Suhaili, sementara inti sari ayat disampaikan oleh Penolong Pensyarah, ITQSHHB, Awang Muhammad Azim bin Haji Ali.

Antara inti sari dan pengajaran ayat tersebut ialah, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan orang-orang mukmin untuk menjadikan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu sebagai suri teladan yang baik bagi yang rela berjuang mati-matian untuk menolong dan membela agama Allah Subhanahu Wata'ala dengan melibatkan diri secara langsung pada kejadian Perang Khandaq.



Selain itu, Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menjadi contoh dan panutan bagi orang yang mengharap pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala pada hari akhirat, mengharap untuk bertemu Allah Subhanahu Wata'ala dengan membawa keimanannya, membenarkan dan mempercayai adanya hari kebangkitan yang menjadi hari pembalasan amal perbuatan, sentiasa banyak-banyak berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala karena takut terhadap hukumannya dan mengharapkan pahala-Nya.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Dikir Marhaban daripada Kumpulan Pendikir Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan diakhiri dengan bacaan Doa Penutup oleh Awang Haji Md. Izzat Izzuddin.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Pejabat Wawasan Brunei dan Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council dengan kerjasama Jabatan Radio Televisyen, bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun ini.

## Kementerian Kesihatan



**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. - Dalam memperingati kelahiran Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



**ANTARA yang hadir pada majlis yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.**

Majlis yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan berkenaan dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Bagi menyemarakkan lagi kasih dan sayang terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, majlis berkenaan diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Sunnah Rasulullah Kunci Kejayaan' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Pendidikan Ugama dari Pusat Pakar Pantai Jerudong, Haji Ishkandar bin Haji Buntar.

Persembahan Dikir Marhaban turut menyerikan majlis berkenaan yang diketuai oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Nor Asilin bin Haji Puting yang juga turut membacakan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Saintifik berkenaan antara lain bertujuan untuk menambahkan lagi cinta kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, ketua-ketua jabatan, para pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir mendengarkan Ceramah Khas bertajuk 'Sunnah Rasulullah Kunci Kejayaan' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Pendidikan Ugama dari Pusat Pakar Pantai Jerudong, Haji Ishkandar bin Haji Buntar (atas dan atas kiri).**

# PERTINGKATKAN PRODUKTIVITI, KELESTARIAN PERTANIAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**




**YANG Berhormat Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan semasa menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) Ke-45 di Kuala Lumpur, Malaysia.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. - Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, baru-baru ini menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) Ke-45 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Mesyuarat AMAF Ke-45 dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu.

Mesyuarat AMAF Ke-45 mengambil perhatian terhadap kemajuan pelaksanaan inisiatif utama sektor makanan, pertanian dan perhutanan pada 2022-2023, dan mengambil tiga hasil utama Kerjasama Makanan, Pertanian Dan Perhutanan pada 2024, iaitu pembangunan strategi kawalan dan pencegahan Penyakit Kulit Lumpy, garis panduan serantau bagi pemantauan dan pengawasan AMR dalam patogen bakteria dalam akuakultur dan Persetujuan Bebas, Didahulukan, dan Diinformasikan (FPIC) dalam Sistem ASEAN Customary Tenure (CT) dalam buku panduan landskap hutan, dan dua Keutamaan Hasil Ekonomi (PEDS) Pengerusi ASEAN Lao PDR 2024, iaitu, pembangunan Pelan Tindakan Bagi Pelaksanaan Garis Panduan ASEAN mengenai Pertanian Lestari; dan strategi atau garis panduan bagi pengurangan pembakaran terbuka untuk menyokong pelaksanaan strategi ASEAN Carbon Neutrality.

Pada mesyuarat tersebut, negara-negara anggota ASEAN (AMS) menerima pakai Kenyataan Menteri ASEAN mengenai Pertanian dan Perhutanan untuk Mengurangkan Penggunaan Agrokimia Berbahaya Bagi Memastikan Keselamatan Makanan, Kesihatan Awam, Keselamatan Pekerjaan Dan Perlindungan Alam Sekitar, yang bertujuan untuk mencegah pendedahan kepada agrokimia toksik dan melindungi, kesihatan dan kesejahteraan petani, pekerja pertanian, dan pengguna.

Mesyuarat itu juga memuji pelaksanaan pelbagai projek ke arah meningkatkan pengurusan hutan lestari (SFM) di rantau ASEAN, seperti Pengurusan Ekosistem Paya Bakau di ASEAN; mempertingkatkan keupayaan serantau dalam penyelesaian berasaskan alam semula jadi / ekosistem bagi menyokong Pembangunan Perhutanan Sosial di ASEAN; dan Program Sokongan Tadbir Urus Hutan Rantau ASEAN (Program EU-FLEGT Asia).

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam kenyataannya menyatakan, kemajuan dan pembangunan yang dicapai oleh pelbagai kumpulan kerja sektoral dan badan subsidiari termasuk kejayaan menyiapkan 16 Priority Deliverables bagi tahun 2023 dan menggalakkan penerusan pelaksanaan bidang keutamaan dalam makanan, pertanian dan perhutanan, dalam menggalakkan pertanian lestari dan menyeluruh, mengurangkan agrokimia berbahaya dan pembakaran terbuka, menggalakkan penyelesaian berasaskan alam semula jadi, *decarbonizing* sektor makanan, pertanian dan perhutanan, memerangi kekangan antimikrob, memastikan sumber tanah dan air yang mampan untuk pertanian, dan menggalakkan penggunaan teknologi digital untuk makanan, sektor pertanian dan perhutanan.

Pada hari yang sama, Yang Berhormat juga mengambil bahagian dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN-Jepun mengenai Pertanian dan Perhutanan (AJMAF).

Mesyuarat AJMAF menerima pakai Pelan Kerjasama MIDORI ASEAN-Jepun, yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama ke arah meningkatkan pertanian berdaya tahan dan mampan dan sistem makanan melalui inovasi, untuk memastikan keselamatan makanan serantau.

Di samping itu, Menteri-menteri AJMAF menyedari kepentingan meningkatkan produktiviti dalam pertanian, di samping meminimumkan beban alam sekitar dan kepentingan pertanian yang berdaya tahan dan mampan dalam menggalakkan keselamatan makanan, pemuliharaan alam sekitar, dan pembangunan luar bandar untuk memenuhi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan memastikan rantau ASEAN-Jepun mempunyai masa depan yang mampan.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berhormat mengalu-alukan bantuan Jepun dalam menyokong ASEAN bagi membangunkan rantaian nilai makanan yang berdaya tahan (FVC), yang akan menjadi komponen penting dalam memastikan keselamatan makanan dan pembangunan mampan di rantau ini.

Yang Berhormat juga menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN serta rakan Campur Tiga (Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea) Ke-23 (The 23rd AMAF Plus Three Meeting), serta Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-China bagi Kerjasama Sanitari dan Fitosanitari (SPS) Ke-8 pada Jumaat, 6 Oktober 2023.

Mesyuarat AMAF +3 Ke-23 memuji kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan Strategi Kerjasama ASEAN Campur Tiga (APTCS) 2016 - 2025, dalam bidang strategik pengukuhan jaminan dan nutrisi makanan, pengurusan hutan yang mampan, pengurangan dan penyesuaian perubahan iklim, kesihatan haiwan dan tumbuhan serta kawalan penyakit, pembangunan keupayaan dan Pembangunan Sumber Manusia, meningkatkan produktiviti, kualiti dan kebolehpasaran produk pertanian, mengukuhkan sistem maklumat dan rangkaian pengetahuan dan pertukaran, serta penyelidikan dan pembangunan.

Yang Berhormat menghargai sokongan Republik China, Jepun dan Republik Korea dalam pelaksanaan aktiviti kerjasama di bawah Rangka Kerja Strategi Kerjasama ASEAN campur tiga untuk memastikan keselamatan makanan dan membina sistem pertanian-makanan yang berdaya tahan dan mampan di rantau ini.

Beliau seterusnya menambah kepentingan untuk terus meningkatkan kemampanan rantaian bekalan makanan dan sistem makanan untuk meningkatkan keselamatan makanan dengan mengukuhkan pengetahuan dan pertukaran maklumat dan kerjasama penyelidikan di kalangan negara-negara AMS dan campur tiga.

Sementara itu, semasa Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN-China mengenai kerjasama SPS Ke-8, Yang Berhormat menyatakan komitmen Negara Brunei Darussalam untuk mengukuhkan kerjasama SPS bagi memastikan perdagangan makanan dan produk pertanian di antara ASEAN dan China mematuhi keperluan dan selaras dengan prinsip-prinsip perjanjian SPS.

Ini juga sejajar dengan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk mengembangkan eksport produk pertanian ke China dan mengukuhkan kerjasama dalam menangani halangan-halangan teknikal kepada perdagangan dan langkah-langkah SPS untuk memudahkan perdagangan.

Mesyuarat tersebut menyatakan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan pelan tindakan kerjasama ASEAN China ke atas SPS bagi 2022 - 2023 sambil mengakui pelbagai cabaran yang dihadapi oleh kedua-dua ASEAN dan China akibat pandemik COVID-19.

Mesyuarat itu juga menyaksikan pengesahan Pelan Tindakan Kerjasama ASEAN China mengenai SPS bagi 2024 - 2025 yang terdiri daripada kegiatan dalam bidang keselamatan makanan, tumbuhan dan pemeriksaan dan kuarantin haiwan.

# ...Majlis sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam...

## Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1445H / 2023M.**



**CERAMAH Khas disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah dan Penceramah bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.**



**SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan ceramah tersebut.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. – Bagi sama-sama memperingati hari kelahiran Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1445H/2023M.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), di sini, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipimpin oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohd Ashraf bin Haji Bujang.

Majlis juga turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'KNK : Kenali Nabi Kitani Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah dan Penceramah bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Awang Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit.

Majlis kemudiannya diteruskan lagi dengan persembahan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti tahunan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya, dan pada tahun ini dikelolakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), ketua-ketua jabatan, ketua-ketua eksekutif, dan para pegawai kanan serta para pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di

PELITA BRUNEI

# PERKHIDMATAN POS PERLU BERINOVASI MENGIKUT PEREDARAN MASA

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Oktober. - Hari Pos Sedunia diraikan pada setiap 9 Oktober oleh negara-negara ahli Kesatuan Pos Sedunia atau Universal Post Union (UPU) bagi mengiktiraf peranan pos dalam kehidupan seharian orang ramai dan perniagaan serta sumbangannya kepada pembangunan sosial dan ekonomi global.

Selain itu, Pejabat Pos juga berfungsi sebagai satu wadah komunikasi yang padu, inklusif dan menghubungkan masyarakat.

Pada tahun ini, Kesatuan Pos Sedunia memilih tema 'Together for trust : Collaborating for a safe and connnected future'.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam perutusannya sempena Sambutan Hari Pos Sedunia Tahun 2023.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, tema yang dipilih berkenaan adalah bagi menghargai kepercayaan yang dibina sejak sekian lama melalui komitmen dan kegigihan yang ditunjukkan oleh penyedia perkhidmatan pos dalam menyempurnakan amanah yang diberikan dengan jujur dan selamat.

Ini tegas Yang Berhormat, selaras dengan sahutan perkhidmatan sejagat di bawah Universal Services Obligations (USO) kepada orang ramai.

Tema berkenaan juga tambah Yang Berhormat, mengingatkan keperluan bagi penyedia perkhidmatan pos menyesuaikan diri dan berinovasi mengikut peredaran masa.

Ini terang Yang Berhormat, adalah supaya mereka kekal relevan dan berkemampuan untuk menyokong perkhidmatan e-Dagang, e-Kerajaan dan e-Kewangan yang semakin berkembang.

Yang Berhormat juga turut menjelaskan bahawa perkembangan - perkembangan berkenaan juga selari dengan Peta Jalan Digital Ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Menyedari akan hakikat bahawa model operasi perkhidmatan pos di negara ini perlu melalui perubahan, penggubalan perintah Postal Services Order, 2023 akan membolehkan perkhidmatan pos dikorporatkan nanti.

"Ini juga boleh menjadi pemangkin ke arah mempromosikan industri pos yang efisien dan berdaya saing, serta membolehkan pelaburan lebih tinggi di dalam teknologi seperti automasi dan pendigitalan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga turut mengongsikan mengenai usaha-usaha berkenaan adalah juga bertepatan dengan Pelan Strategik Kesatuan Pos Sedunia (Abidjan Postal Strategy 2021-2025), yang antara lainnya menyeru pihak-pihak pengawal selia untuk berusaha dalam menyelaraskan dan meningkatkan keharmonian sektor pos ke arah usaha pembangunan sosioekonomi negara.

Di samping itu terang Yang Berhormat, kemesraan dan kejujuran warga pos dalam menyampaikan tugas dan amanah kepada pelanggan adalah salah satu tunggak kejayaan bagi perkhidmatan pos.

Daripada kemesraan dan kejujuran berkenaan tambah Yang Berhormat, akan terbinanya jambatan kepercayaan yang kuat di antara penyedia perkhidmatan dan pelanggan.

Kepercayaan ujar Yang Berhormat, adalah merupakan nilai teras yang perlu dipertahankan.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga turut menyarankan dalam membina dan mempertahankan kepercayaan pengguna terhadap perkhidmatan pos, penambahbaikan perlu dibuat dan apa juga jurang dengan jangkaan orang ramai perlu dipedulikan.

Yang Berhormat juga menjelaskan anugerah yang Jabatan Perkhidmatan Pos, NBD terima pada tahun ini, bagi kualiti perkhidmatan pelanggan Express Mail Services (EMS) adalah petunjuk bahawa kita berkemampuan untuk menyediakan perkhidmatan cemerlang.

Untuk terus cemerlang jelas Yang Berhormat, ia memerlukan pendekatan yang berpusatkan pelanggan, komitmen dan usaha tinggi oleh semua yang terlibat.

"Sempena Hari Pos Sedunia ini, marilah kita bertekad untuk memastikan amanah yang diberikan kepada penyedia perkhidmatan pos dilaksanakan dengan jujur dan selamat.

"Marilah kita juga bekerjasama untuk membolehkan semua orang mendapat akses dan manfaat daripada perkhidmatan pos digital mahupun fizikal.

"Saya percaya warga pos akan sentiasa bersedia dan beradaptasi bagi sebarang perubahan dan sentiasa peka akan peralihan yang dibawa oleh arus peredaran zaman. Selamat Hari Pos Sedunia," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.



**YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan perutusan sempena Sambutan Hari Pos Sedunia Tahun 2023.**

# Pelancaran Buku Purih Mukim Saba Ristaan Sejarah





**YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan buku kepada para penerima (kanan dan kanan sekali).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Oktober. - Buku sejarah Mukim Saba iaitu Purih Mukim Saba Ristaan Sejarah Kegemilangan Negara Brunei Darussalam dilancarkan hari ini oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bertempat di Dewan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD), Gadong, di sini.

Yang Berhormat Mufti Kerajaan dalam ucapannya mengimbas kembali isi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2010 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-64 Tahun antara lain berbunyi, sejarah adalah lidah kebenaran, lidah paling petah.

Kita tidak boleh kunci lidah ini, melainkan biarkan saja ia berkata-kata, kerana kata-katanya itu sangat tulus dan amat berharga. Sejarah tidak boleh dibisukan.

Bangsa yang membisukan sejarah adalah pengecut. Oleh itu, wajarlah bagi kita menjadi bangsa yang berani : berani menyoal serta menyuluh ke dalam diri sendiri.

Untuk kita mengetahui nilai dan harga sejarah, menurut Yang Berhormat Mufti Kerajaan, adalah memadai merujuk titah tersebut yang mana sejarah adalah lidah paling petah. Kita tidak boleh mengunci atau membisukan lidah sejarah kerana bangsa yang membisukan sejarahnya adalah pengecut.

Ternyata di sini, terang Yang Berhormat Mufti Kerajaan, bahawa *purih* Saba telah pun menyahut titah ini, untuk menjadi *purih* bangsa yang berani menyingkap sejarahnya.

“Memang, *purih* Saba adalah *purih* pahlawan yang gagah perkasa. Ini bukan retorik lagi tetapi fakta. Fakta ini terpapar atau terkandung dalam riwayat hidup beberapa orang tokoh besar *purih* Saba, khasnya dua orang yang sangat tersohor iaitu Haji Saman dan Liau Badar. Dari dahulu sampai sekarang, tiada siapa pun yang menyangkal akan kepahlawanan mereka ini.

“Haji Saman dan Liau Badar, bukan sahaja digambarkan sebagai pahlawan, malah juga mereka berdua dianggap berjasa besar kepada negara dan Kesultanan Brunei Darussalam.

“Mereka dituturkan / disebut-sebut sebagai terlibat melawan penjajah dan menjadi penyelamat kepada Kesultanan Brunei Darussalam. Untuk mengetahui lebih lanjut, elok untuk membaca buku ini. Banyak maklumat dapat dikongsikan daripada tokoh-tokoh penulis dan pemikir *purih* Saba.

“Saya sendiri apabila membaca *dummy* buku ini, segera teringat kepada zaman kanak-kanak dan zaman remaja. Kami begitu banyak dihidangkan oleh orang tua-tua cerita-cerita mengenai Haji Saman dan Liau Badar yang menggambarkan bahawa mereka itu sangat gagah tetapi bukan gagah berkelahi menganiaya orang, bahkan gagah berani melawan orang putih dan menyelamatkan raja,” ujar Yang Berhormat.

Merujuk kepada tulisan Dr. Maslin bin Haji Jukim, Yang Berhormat Mufti Kerajaan seterusnya menambah, bahawa Dr. Maslin telah mengungkap bahawa Liau Badar adalah pahlawan dan orang kebilangan.

Khidmat beliau diperlukan oleh raja apabila istana ditawan oleh penentang raja yang memaksa raja sampai berundur dan bersembunyi di hulu Sungai Brunei, Junjungan.

Ketika inilah Liau Badar diperlukan dan dititahkan oleh raja untuk menghadapi penentang baginda dan akhirnya Liau Badar berjaya menewaskan seteru raja ini dan membawa balik semula baginda ke istana.

Yang Berhormat turut menegaskan, bahawa menyebut-nyebut jasa dan kebaikan seseorang yang telah meninggal dunia adalah digalakkan oleh ugama, termasuk menyebut-nyebut para pahlawan yang berkorban membela agama, bangsa dan negara.

Nama-nama para sahabat yang berjasa katanya lagi, sampai ke hari kiamat akan tetap disebut-sebut : Sayyidina Abu Bakar Ash-Shidiq, Sayyidina Umar bin Al-Khathab, Sayyidina Uthman bin Affan, Sayyidina Ali bin Abi Thalib, Sayyidina Hamzah, Sayyidina Khalid bin Al-Walid, dan lain-lain lagi dengan menyebut nama-nama mereka itu sambil mengiringinya dengan doa Radhiaallahu anhum (semoga Allah meredhai mereka sekalian).

Majlis kemudiannya disusuli dengan pelancaran buku, diikuti dengan Persembahan Deklamasi Sajak berjudul ‘Saba’ oleh Yang Arif Dato Seri Setia Haji Johar bin Muhammad.

Acara turut menyaksikan penyampaian cenderamata dan buku kepada rakan penyokong terdiri daripada syarikat-syarikat dan para penyumbang artikel.

Buku tersebut memaparkan mengenai sejarah asal-usul *purih* Mukim Saba yang telah tercatat dalam persejarahan Brunei hubungannya dan sumbangannya dalam sejarah pemerintahan Kesultanan Brunei sejak awal penubuhan Kerajaan Brunei hingga ke hari ini.

Buku ini juga turut memaparkan tentang kejayaan dan sumbangan orang-orang Saba dari zaman pentadbiran residen British 1905 / 1906 hingga di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekarang.

Perjuangan dan sumbangan orang-orang Saba yang sekarang bermastautin di Mukim ini bak kata pepatah ‘Patah Tumbuh Hilang Berganti’ di mana kejayaan *purih* Mukim Saba tidak terhenti begitu saja akan tetapi sumbangan dan jasa mereka kepada raja, ugama dan negara terus perkasa dan cemerlang hingga ke Abad Ke-20 dan Ke-21 khususnya dalam keadaan negara Brunei mengalami kepesatan dan kemajuan pembangunan negara hingga ke hari ini.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

# Hargai jasa bakti guru

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**



**PEGAWAI Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei I, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah binti Haji Wahsalfelah, selaku tetamu khas majlis menyampaikan cenderahati kepada penerima (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**

**SALAMBIGAR,** Sabtu, 7 Oktober. - Bagi menghargai jasa guru-guru Sekolah Ugama Kawasan Brunei I, Jawatankuasa Pemimpin Sekolah-Sekolah Ugama Kawasan Brunei I (JPSSU Brunei I) baru-baru ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Guru bertempat di Mahligai Al-Barakah Ballroom, Mid Valley, Kampung Salambigar.

Hadir, Pegawai Pengajian Islam Daerah bagi Kawasan Brunei I, Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Siti Halimatul Saadiah binti Haji Wahsalfelah, selaku tetamu khas majlis.

Acara dimulakan dengan bacaan selawat, Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran Hari Guru, diikuti dengan ucapan alu-aluan.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan daripada guru-guru perempuan sekolah-sekolah ugama Kawasan Brunei I dan diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada guru-guru yang telah bersara dan guru yang banyak menyumbang dalam aktiviti-aktiviti sekolah ugama yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan guru-guru ugama yang hadir ke arah mengukuhkan semangat perpaduan dalam sama-sama melaksanakan tanggungjawab mendidik anak bangsa demi mencapai hasrat negara.





# PEMBARIGAAN AKTA BARANG-BARANG PURBAKALA, HARTA TERPENDAM



**SEKITAR Taklimat Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam bertempat di Dewan Teater PDS, Bangunan Arkib, Jalan Dewan Majlis (atas dan bawah).**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Oktober. - Jabatan Muzium-Muzium hari ini mengadakan Taklimat Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam bertempat di Dewan Teater PDS, Bangunan Arkib, Jalan Dewan Majlis.

Taklimat berkenaan disampaikan oleh Penasihat Undang-undang daripada Pejabat Peguam Negara, Awang Muhammad Adi Faisal bin Haji Omar.

Jabatan Muzium-Muzium memainkan peranan yang penting dalam mengawal dan memelihara monumen dan tapak-tapak bersejarah di negara ini supaya ia tidak dimusnahkan oleh arus pembangunan negara yang berkembang pesat.



Jabatan Muzium-Muzium diperuntukkan dengan satu akta yang dikenali sebagai Akta Barang-barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, edisi semakan 1984, 1990, 2002.

Lembaga Muzium ditubuhkan untuk mengurus akta berkenaan yang terdiri daripada sembilan ahli mewakili jabatan-jabatan kerajaan dan dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Setakat ini, terdapat 15 monumen, tapak dan bangunan bersejarah dan 12 pemakaman diraja telah diwartakan.

Taklimat turut dihadiri oleh para pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatannya.

## HALUAN

# Belia negara perlu bersifat rabbani, berakhlak kukuh, padu

**>> Muka 2**

Dalam usaha menjadikan masjid diimarahkan oleh golongan belia, peramba / saya mencadangkan beberapa inisiatif yang wajar dipertimbangkan antaranya ialah :

1) Terus mencari kaedah dan pembaharuan dalam mendekati golongan belia melalui aktiviti anjuran masjid. Dalam perkara ini pihak masjid perlu sentiasa bekerjasama dengan persatuan, pertubuhan dan kumpulan-kumpulan tertentu secara langsung dengan lebih kerap lagi. Pengisian berbentuk kerohanian boleh diselitkan dalam aktiviti tersebut supaya belia dapat menyebarkan dan memanfaatkan dalam kalangan rakan-rakan sebaya mereka.

2) Meningkatkan kemahiran pengurusan masjid. Dalam perkara ini dicadangkan untuk KUPU SB untuk memanfaatkan sumber tenaga pakar dan yang berkemahiran untuk mengendalikan Kursus Kemahiran Pengurusan dan Pentadbiran Masjid bagi pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid, iman-imam masjid, surau dan balai ibadat di bawah kawalan JHEM, KHEU.

3) Mewujudkan hubungan dua hala, iaitu institusi masjid dengan institusi-institusi pendidikan. Dalam perkara ini, pihak-pihak berkaitan perlu memikirkan secara kritis dan kreatif aktiviti-aktiviti untuk golongan belia yang diselaraskan dengan keperluan semasa.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba / saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Pusat Ilmu Teras, KUPU SB dengan kerjasama Bahagian Imarah JHEM yang mengungkayahkan Program Kepimpinan dan Pengimarahan Masjid bagi Mahasiswa-mahasiswi KUPU SB. Peramba / saya mendoakan semoga segala usaha *abiskita* ini mendapat balasan dan ganjaran dari Allah Subhanahu Wata'ala jua. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Akhirnya, dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidina Muhammad, Wa'ala 'Aali Sayyidina Muhammad.*

Peramba / saya sukacita melancarkan Program Kepimpinan dan Pengimarahan Masjid Bagi Mahasiswa-mahasiswi KUPU SB anjuran Pusat Ilmu Teras, KUPU SB dengan kerjasama Bahagian Imarah JHEM bagi Tahun 1445 Hijrah / 2023 Masihi.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



# ...Majlis sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri...

## AJK Takmir Bahagian Muslimah Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait



**SEKITAR yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (atas dan kanan).**

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 7 Oktober. - Sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Ahli Jawatankuasa Takmir Bahagian Muslimah Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait telah mengadakan program membaca Al-Quran sehingga khatam yang khusus diniatkan dan merafakkan doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Majlis Khatam Al-Quran bagi program tersebut diadakan pagi tadi di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.

Tujuan acara tersebut diadakan adalah sebagai menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping sebagai pesambah istimewa ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, acara tersebut juga dihasratkan bagi meraih

**Siaran Akhbar : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan membudayakan pembacaan Al-Quran, sekali gus menyuntik semangat cinta kepada Al-Quran dan beramal dengannya serta untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan para ahli kumpulan dari pelbagai agensi di Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, isteri Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, Dayang Hajah Norlia binti Haji Abdul Wahab.

Semoga dengan adanya program yang berkebajikan ini, diharap para peserta akan dapat menggandakan amal ibadat dengan sentiasa membaca Al-Quran dan dapat menarik lebih ramai golongan Muslimah untuk sama-sama sentiasa memakmurkan masjid.



## Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam



**MAJLIS Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) hadir menyemarakkan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Solat Fardu Zuhur Berjemaah, Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi Tahun 1445H / 2023M (atas, kanan dan bawah).**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**MADANG**, Sabtu, 7 Oktober. - Lebih dari 250 ahli dari 13 persatuan wanita yang bergabung di dalam Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) hadir menyemarakkan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Solat Fardu Zuhur Berjemaah, Doa Kesyukuran dan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi Tahun 1445H / 2023M.

Majlis yang mengambil tempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SSBRIPAD) Kampung Manggis/Madang itu, adalah bagi menzahirkan tanda kasih MWNBD kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, selaku Penaung Diraja MWNBD.



**SEBAHAGIAN dari para jemaah yang hadir pada majlis berkenaan (atas kanan dan bawah kiri).**

Selain itu, majlis juga dihasrat untuk memanjatkan dan merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dilanjutkan usia, dikurniakan taufik dan hidayah, sihat walafiat dan sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dalam sokongan baginda yang berterusan kepada kaum wanita di negara ini amnya, dan khususnya kepada MWNBD.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin yang dipimpin oleh Pengerusi Bahagian Keagamaan MWNBD, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar dari Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), diikuti dengan Solat Fardu Zuhur berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid SSBRIPAD, yang juga mengepalai bacaan Doa Kesyukuran Khas.

Sejurus itu, majlis diteruskan



dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Dipertua MWNBD, Datin Hajah Dayang Siti Hajar binti Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Awang Mohd Yusof, dan disusuli dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan bacaan Selawat Tafrijiyyah diketuai oleh Ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBD.

Sementara doa memulakan bacaan Al-Quran serta bacaan Khatam Al-Quran dimulai dari Surah Adh-Dhuha hingga Surah Al-Masad dikepalai oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan Pertiwi dan bacaan Takhtim pula dipimpin oleh Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Perempuan (PKP), Daerah Belait.

Manakala, Doa Khatam dibacakan oleh Pengerusi Bahagian Keagamaan MWNBD.

Majlis juga turut diserikan dengan Dikir Marhaban daripada Ahli-ahli Persatuan Wanita Kampung Junjungan (PEWAJA) dan Persatuan Belia Kampung Lambak (PERBEKAL).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Dayang Zeliha binti Haji Mohamad Ali dari Persatuan Siswazah Wanita (PSW), manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd Ghani dari Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD).

Antara 13 persatuan yang bergabung di bawah payung MWNBD ialah Persatuan Pertiwi; Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI); Badan Kebajikan Isteri Pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI) Brunei Darussalam; PKP, Daerah Belait; PGGMB; Persatuan Kebajikan Gabungan Wanita Daerah Tutong (PERGANITA); Badan Kebajikan Wanita Perumahan Negara Lambak Kanan (BAKANITA); PSW; PERBEKAL; PEWAJA; Persatuan Nurul Islam (PNI); PPPBD; dan Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

# ...Majlis sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri...

## Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam



PERSATUAN Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Khas Kesyukuran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan (atas, kanan dan bawah).





Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam

**BERAKAS**, Ahad, 8 Oktober. - Dalam menzahirkan rasa kesyukuran dan pesambah dalam bentuk doa serta fadilat membaca Al-Quran, Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Khas Kesyukuran sempena memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Haji Nipah@Ariffin bin Haji Hassan dan Ketua Jawatankuasa Bahagian Keagamaan kumpulan berkenaan.

Majlis diikuti dengan bacaan Doa Selamat, Allah Peliharakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri. Seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Yang Dipertua PENJURU, Datin Paduka Dayang Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah.

Majlis turut diserikan dengan laungan Dikir Marhaban, diikuti dengan bacaan Takhtim serta bacaan Doa Khatam dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan Persatuan PENJURU dalam sama-sama menyemarakkan lagi Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga PENJURU.

Ia antara lain bertujuan untuk melestarikan budaya membaca Al-Quran di samping menggalakkan peserta mengkhatamkan Al-Quran secara istiqamah seterusnya mengeratkan hubungan silaturahim dengan pembacaan Al-Quran secara berkumpulan di samping menjalinkan ukhuwah dari pelbagai peringkat.

Majlis dipengerusikan oleh Badan Keagamaan dan Sosial PENJURU.

## Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis



ANTARA yang hadir pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam anjuran Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei




**GADONG**, Sabtu, 7 Oktober. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis berkenaan dihadiri oleh isteri Pesuruhjaya Polis, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman, selaku Yang Di Pertua PEKERTI.

Turut hadir ke majlis berkenaan ialah Pengerusi PEKERTI, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI; dan ahli-ahli daripada ketujuh-tujuh Cawangan PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Dayang Norliza binti Abd Jalil (isteri kepada Koperal 5536 Haji Masrody bin Haji Asli) dan diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis berkenaan adalah salah satu aktiviti tahunan PEKERTI dan dikendalikan oleh Badan Keugamaan PEKERTI.

Majlis berkenaan bertujuan untuk memperingati Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai Penaung PEKERTI.

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 132 / 23 - 24 :
Percetakan Dan Pembekalan Custom Designed Recycle Bag Untuk Cenderamata Responden Kajian

Bayaran Yuran :
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan) (Hardcopy)

Tarikh Tutup :
Rabu,
8 November 2023,
jam 2.00 Petang.

---

**PEJABAT PEGUAM NEGARA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
PPN / ASSET / BUUMM / CONT / 2023 / 9 / 2

Tajuk Tawaran:
Penyewaan Cube Rental Service Di Tingkat 1, Bangunan Undang-Undang Dan Mahkamah - Mahkamah, Pejabat Peguam Negara

Bayaran Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Oktober 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDBM / Q / 36 / 2023

Tajuk Tawaran :
Tawaran bagi Penyewaan satu ruang Gerai Kg. Mata-Mata, Mukim Gadong 'B' bagi tempoh 3 tahun, Negara Brunei Darussalam.

Lokasi:
Gerai Kg. Mata-Mata

Jumlah Ruang yang ditawarkan :
1 Unit Ruang

Sewa Tetap Bulanan :
(tertakluk dari penawar)

Keluasan ruang :
75 meter persegi

Tempoh Penyewaan :
3 Tahun

Jenis Perniagaan yang dibenarkan :
Perniagaan biasa seperti kedai makan dan kedai runcit yang bukan berbentuk perusahaan berat.

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin,
9 Oktober 2023.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Isnin,
23 Oktober 2023.
Tidak lewat jam 2.30 Petang.

Yuran dokumen :
BND10.00
(Sepuluh Ringgit Brunei)
(Tidak akan dikembalikan kepada penawar)

Tempat Tawaran Tutup :
Peti Tawaran,
Tingkat 1,
Unit Kewangan,
Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Oktober 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI**

Sebut Harga Bagi Membekalkan Barang Keperluan Pusat Latihan Kesenian Dan Pertukangan Tangan Brunei

Rujukan Tawaran Sebut Harga :
PLKPTB / PB04 / PER / 2023

Nama Tawaran Sebut Harga:
Membekalkan Mata Keris

1. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Mata Keris Lok 3 - 150 bilah

2. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Mata Keris Lok 5 - 150 bilah

3. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Mata Keris Lok 7 - 50 bilah

4. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Mata Keris Lok 13 - 50 bilah

Rujukan Tawaran Sebut Harga :
PLKPTB / PB05 / PER / 2023

Nama Tawaran Sebut Harga :
Membekalkan Kain

1. Nama Barang / Warna dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Cotton Watermark (Bunga Putar)
Size: 1.3 meter (W) x 100 meter (L)
Warna Putih - 1500meter

2. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Fuji Rayon 45"
Warna Putih - 1,000 meter

3. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Habotai Silk 45"
Warna Putih - 1,000 meter

4. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Spun Rayon 45"
Warna Putih - 1,000 meter

5. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Crepe Silk 45"
Warna Putih - 1,000 Meter

6. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Jacquard Silk 45"
Warna Putih - 1,000 Meter

7. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Satin Silk 45"
Warna Putih - 1,000 meter

8. Nama Barang dan Jumlah yang dipohonkan :
Kain Sutera Chiffon 45"
Warna Putih - 1,000 meter

Tarikh Penutupan Sebut Harga:
Tidak Lewat Selasa,
17 Oktober 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

1. Rujukan Tawaran:
49 / JPD / JKSH / 20232024

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services For the Land Transport Department Old Building, Gadong For A Period Of Two (2) Years

2. Rujukan Tawaran:
50 / JPD / JKSH / 20232024

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services For the Land Transport Department Building In Belait District For A Period Of Two (02) Years

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
24 Oktober 2023,
sebelum 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 133 / 2023 / 2024
[UPP-OKT-2023]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Sebut Harga :
BND5.00
[Bayaran Dokumen Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
Sabtu,
21 Oktober 2023.
[Tidak lewat jam 9.00 Pagi]

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :
UBD / E8 / 016 / 2023 - (T)

Tajuk Tawaran :
To Design, Supply and Installation Of Acoustic Panellings For Chancellor Hall, Universiti Brunei Darussalam

Bayaran Dokumen & Pentadbiran :
(termasuk e-Dokumen))
BND35.00
[Tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup :
Selasa,
24 Oktober 2023.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 25 / BKTKS / 2023 - T/V

Nama Projek :
Kerja-Kerja Infrastruktur dan Perumahan Am - Perumahan Negara Kg. Rimba - Kerja-Kerja Tanah Kawasan Tambahan.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
10 Oktober 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 24 Oktober 2023.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran :**
**MINDEF / DFA / INFRA / FY2023 / T / BKS / 003 [JPPK/LTN/03/2021]**
**Proposed Renovation to KK10 Jalan Pasir Berakas**

**Tarikh Mula Tawaran :**
**9 Oktober 2023**

**Kelas :**
**III dan ke atas sahaja**

**Kategori :**
**KA01 & B01**

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
**Tujuh (7) Bulan**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa,**
**31 Oktober 2023**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
**34 / JMM / S / 12 / 91 (2023 / 2024)**

**Tajuk Sebut Harga:**
**Term Contract (36 Months) For Grass Cutting & Upkeeping Works At Muzium Daerah Belait, Kuala Belait,**
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Khamis,**
**19 Oktober 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
**JKP / SH / 2023-2024 / 33**

**Tajuk Tawaran:**
**Penyewaan Tempat Latihan dan Tempat Tinggal Pelatih-Pelatih Bagi ASEAN National Assessor For Front Office,**
**6 - 11 November 2023**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
**Khamis,**
**12 Oktober 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**15 / DBP / SH / 2023-2024**

**Nama Dokumen Sebut Harga :**
**Pembekalan Alat Kegunaan Pejabat Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan**

**Harga Borang Tawaran :**
**BND10.00**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**24 Oktober 2023.**

---

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 602 / 2015**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Morsidi bin Mohammad Zain (BYIC No. 00-064314) - **Alamat** - No. 6, Simpang 1761-30-65, Jln. Tg. Langir Kg. Kulapis, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil. 602 Tahun 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 44% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 16 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 494 / 2011**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Kamal bin Orang Kaya Indera Perkasa Hj Zolkeflee (BYIC No. 00-072518) - **Alamat** - No. 132, Simpang 286-30-35-3, RPN Kampong Lumut, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.494 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 66% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 16 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 329 / 2016**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Awangku Muhammad Amar bin Pengiran Haji Ibrahim (BYIC No. 00-314535) - **Alamat** - No. 28, Simpang 326-36-5, RPN Kampong Perpindahan Serasa, Muara BT1728, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.329 Tahun 2016. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 35% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 260 / 2018**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Adi Hayati binti Haji Johari (BYIC No. 00-09183) - **Alamat** - No. 1, Simpang 484-25 Jalan Jerudong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil.260 Tahun 2018. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 49% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 16 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 168 / 2011**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Muhammad Khairul Azmi bin Haji Roslee (BYIC No. 00-302987) - **Alamat** - No. 5, Simpang 62, Jalan 84, RPN Kg. Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.168 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 39% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 140 / 2008**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Mohammad Shahrizan bin Abdul Latif (BYIC No. 00-290179) - **Alamat** - No. 3, Simpang 475, Kampong Kupang, Jalan Tutong TB2941, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.140 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 91% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 139 / 2008**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Normah bte Haji Miramit (BYIC No. 00-069132) - **Alamat** - No. 41, Simpang 1185-73-193-11, Perpindahan Bukit Beruang Tutong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.139 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Dk. Siti Nursu'aidah binti Pg Jufrizar @ Pg Tajuddin**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**Kes No. BCY / CP / 258 / 2000**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Pg Norayamin bin Pg Hj Abd Rahman (BYIC No. 00-077779) - **Alamat** - No. 15A, Simpang 79, Jalan Madewa, BF1120, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.258 Tahun 2000. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 5.78% Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar** - 1 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 112 / 2011**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Evy Pollena @ Norbatrisyia Imanina binti Abdul Razak (BYIC No. 00-276620) - **Alamat** - No. 13, Simpang 10-3, Jalan 49, Kampong Perpindahan Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan Bil.112 Tahun 2011. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 88% Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
16 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 111 / 1997**

**Notis Mengenai Pembayaran Dividen Terakhir**

**Nama Penghutang -** Pg Hamdan bin Pg Hj Ismail (Allahyarham) (BYIC No. 00-053784) - **Alamat** - Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil.111 Tahun 1997. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 7% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar** - 15 Ogos 2023. **Di Mana Kena Bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
17 Ogos 2023

**Hajah Normazdina binti Hj Md Maskub**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**
**Brunei Darussalam**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / DP / 1 / 2020**

**Mohammad Zulfadhli bin Haji Latiff**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohammad Zulfadhli bin Haji Latiff (00-319077)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohammad Zulfadhli bin Haji Latiff**
**No. 20Q, Kg. Sungai Asam,**
**Mukim Burong Pinggai Air,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
19 Mac 2020

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
24 Ogos 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 9 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
24 Ogos 2023

**Kes No. BCY / CP / 33 / 2022**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Norhazwani bte Hj Abd Kahar (00-314066)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **1 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Norhazwani bte Hj Abd Kahar**
**No. 15 B, Spg. 637-84, STKRJ**
**Kg. Perpindahan Lambak Kiri,**
**BB1114,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
9 April 2022

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
12 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **1 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 4 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
12 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 121 / 2022**

**Baiduri Bank Sendirian Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Awang Mohammad Ghassani bin Awang Mohin (01-040293)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **5 Ogos 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Awang Mohammad Ghassani bin Awang Mohin**
**No. 9, Spg. 215, Kg. Pintu Malim, Jalan Kota Batu,**
**Bandar Seri Begawan, BA2711,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
9 Mei 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
12 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 9 Oktober 2023, jam 10.45 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 Oktober 2023, jam 10.45 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
12 September 2023

**Kes No. BCY / CP / 57 / 2023**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Ak Supandi bin Pg Hj Md Daud (00-263776)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **17 Ogos 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Ak Supandi bin Pg Hj Md Daud**
**No.7, Spg. 25, Jln. Ban 2A,**
**Kg. Mulaut Kilanas,**
**BG2121,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
27 Jun 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
11 September 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **17 Ogos 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 3 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Oktober 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
11 September 2023

**Kes No. BCY /CP / 121 / 2023**

**Baiduri Bank Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Alina binti Haji Mohammad (00-252903)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 Julai 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Alina binti Haji Mohammad**
**No. 19, Spg.38, Jln. Bukit Pandayan, Perpindahan**
**Mengkubau, Mentiri,**
**Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
24 Julai 2023

b.) Semua sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
24 Ogos 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 Julai 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-8), Mahkamah Besar pada 02 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Oktober 2023, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
24 Ogos 2023

**Muhammad Syafiq bin Awang Haji Zakaria**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# IMBASAN MINGGUAN



PARA pelajar Sekolah Ugama JIS semasa membuat Persembahan Tausyeh. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Kempen Derma Darah sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB) Ke-53 Tahun bertempat di Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



ANGGOTA Angkatan Tentera British daripada Divisyen Pertama (UK) semasa menyertai Eksesais Sunda Patrol 2023 bertempat di Kawasan Empangan Kargu, Belait. - Foto : Masri Osman.



SEBAHAGIAN daripada peserta Walkaton anjuran Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) sempena meraikan Hari Maritim Sedunia 2023. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit.




SEBAHAGIAN daripada aksi perlawanan pada Penutup Kejohanan Futsal bersempena memperingati pelaksanaan Pendidikan Ugama Formal Ke-67 Tahun anjuran Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU). - Foto : Alishahrin Haji Mumin.

سروان سوچي

# جاديكن ڤكرجأن كيت ساتو عباده (سمڤنا هاري ڤرخدمتن عوام ك ٣٠)

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن مينڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كچيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوک دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سباݢي سأورڠ مسلم كيت هندقله منجاديكن سلوروه كهيدوڤن اين سباݢي عباده. عباده بوکن ستاکت منديريكن سمبهيڠ، ڤواس، حاج دان سأومڤماڽ. اكن تتاڤي اڤ يڠ كيت كرجاكن ستياڤ هاري سڤرتي بكرجا منچاري رزقي اداله دكيرا عباده دڠن شرط نية بكرج هاپله كران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سمات-مات.

دسمڤيڠ ايت، ڤكرجأن دان چارا بكرجا جوک مستيله منڤتي شرع اتوڤون سلاري دان تيدق برچڠكه دڠن حكوم شرع. متلامت بكرجا جوک اداله انتوق كبايكن، سڤرتي منچاري نفقه انتوق ديري سنديري، كلوارک دان سأومڤماڽ. ماله بكرجا اداله ساتو كواجبن يڠ منداڤت ݢنجرن ڤهلا دان كريضاءن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سلاين منريما أوڤه اتو ݢاجي درڤد ماجيكن.

ڤركارا يڠ ڤاليڠ ڤنتيڠ يڠ ڤرلو اد ڤد ستياڤ ڤكرجا دالم منجالنكن توݢس اداله صفة امانه. صفة امانه ڤرلو دترڤكن دان دڤركتيڤكن اوله إنديۏيدو يڠ بكرج باݢي ممستيكن ستيڤ ڤكرجأن يڠ دلاكوكن منڤتي كوالتي يڠ دهارڤكن. اينله چيري دان صفة ڤكرجا مسلم يڠ سبنر. سباليقڽ مڠأبيكن أمانه دالم بكرجا اداله سواتو ڤڠخياناتن سڤرتيمان لارڠن كراس اوله الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الأنفال آية ٢٧ :

تفسيرڽ:

**واهي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! جاڠنله كامو مڠخيانتي الله دان رسولڽ دان جاڠنله كامو مڠخيانتي أمانه-أمانه (يڠ دأمانهكن كڤد) كامو سداڠ كامو مڠتهوي.**

دالم آية اين، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ تله ممبري ڤرايڠتن كڤد همباڽ يڠ برإيمان سوڤاي تيدق مڠخيانتي أمانه يڠ تله دبريكن كران كسنڽ ساڠت بسر. إيڠتله، بهاوا كڤرچيأن يڠ دبريكن كڤد كيت اكن دڤرسؤالكن، دان مڠخيانتي أمانه اداله ساله ساتو چيري منافق دالم عمالن. درڤد أبو هريرة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ**

**مقصودڽ:**

**تندا-تندا اورڠ منافق ايت تيݢ ڤركارا: اڤبيل بركات دي بربوهوڠ، اڤبيل برجنجي دي موڠكيري دان اڤبيل دبري امانة دي مڠخيانتي. {حديث رواية إمام بخاري}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

جک كيت منجاک أمانه يڠ دبريكن، اي اكن مندوروڠ إنديۏيدو ملاكوكن سسواتو كرجا دڠن لبيه تكون دان برسڠݢوه-سڠݢوه. دي اكن منجورهكن سلوروه ماس، تناݢ دان ڤميكيرنڽ انتوق ممڤرأوليهي حاصيل كرجا يڠ لبيه بركواليتي. سݢل تونتوتن كرجا اكن دلقسناكن دڠن راس تڠݢوڠجواب دان دديكاسي، ماله كيت اكن دحرمتي دان دكنلي سباݢي مسلم يڠ بايک.

دالم منجاک أمانه، ببراڤ ڤركارا ڤرلو كيت تيتيقبرتكن سڤرتي منجاک وقتو بكرجا، إخلاص دالم ممبري ڤنداڠن، تيدق ترجبق كڤد ڤڠليبيڠن سڤرتي رسواه، ڤچه أمانه دان جوک ڤپالهڬونأن كواس. كيت هندقله ملاكوكن ڤكرجأن دڠن سبايک موڠكين، مڠݢوناكن سلوروه كأوڤيأن ديري، ڤوتينسي دان كڤاكرن يڠ دميليكي دالم ملقسناكن توݢس يڠ دبريكن تنڤا سبارڠ ڤڠابايان دان ڤڠليبيڠن.

سجاره تله ممبوقتيكن بهاوا صفة أمانه يڠ اد ڤد نبي محمد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سهيڠݢ دكلر سباݢي "الأمين" تله منجاديكن بݢندا سأورڠ ڤكرجا يڠ برجاي كتيک بݢندا برخدمت برسام أبو طالب دان جوک سيدتنا خديجه رَضِيَ اللهُ عَنْهَا.

جماعه يڠ درحمتي الله،

اوله كران بكرجا ايت اداله عباده، مک سوده ڤستي إبليس دان شيطان تيدق مپوكاي اورڠ يڠ بنر-بنر جوجور دان أمانه دالم منجالنكن توݢس، مريک اكن مموسوهي دان اكن سنتياس مڠهاسوت انتوق مڠخيانتي أمانه.

دالم حال اين، رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله مڠاجر كيت دعاء دان ذكر اڤبيل هندق كلوار رومه انتوق بكرجا منچاري رزقي. درڤد أنس بن مالك رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، سسڠݢوهڽ نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: اڤبيل سسأورڠ كلوار دري رومهڽ كمودين دي ممباچ دعاء: **بِسْمِ اللهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللهِ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ (دڠن نام الله اكو برتوكل كڤد الله، تيدق اد داي دان كقواتن كچوالي دڠن إذن الله). مک ڤد ساعت ايت دكاتكن كڤدڽ: كامو تله منداڤت ڤتونجوق، تله دبري كچوكوڤن دان منداڤت ڤنجاݢأن (ڤرليندوڠن)، هيڠݢ شيطان-شيطان منجاوهي درينڽ. لالو شيطان يڠ لاينڽ بركات كڤد تمنڽ: باݢيمان (اڠكو اكن مڠݢودا) سأورڠ لاكي-لاكي يڠ تله منداڤت ڤتونجوق، كچوكوڤن دان ڤنجاݢأن (ڤرليندوڠن). {حديث رواية إمام أبو داود}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سباݢي أومت إسلام كيت هندقله ميقيني بهاوا أمانه دالم ڤكرجأن اداله سواتو تونتوتن دان اكن دحساب دهادڤن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دأخيرة كلق. جوسترو، سأورڠ ڤكرجا واجبله برأوسها برسڠݢوه-سڠݢوه دمي منجالنكن تڠݢوڠجواب دان أمانه ملقسناكن سسواتو توݢسن دڠن مميكيركن بهاوا حاصل دري ڤنداڤتن ايتله يڠ اكن منجادي سومبر اوتام رزقي ستروسڽ ممباوا كڤد ڤونچا كبهݢيأن انتوق ديري، كلوارک دان جوک مشاركت.

ماريله كيت سام-سام برمحاسبة دان إستقامه دڠن برنية كتيک ملڠكه كلوار دري رومه بهاوا سموا كرجا يڠ دلقسناكن اداله كران الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. موده-مودهن ستياڤ ڤكرجأن يڠ كيت لاكوكن اداله دكيرا سباݢي عباده دان رزقي يڠ دتريما ڤنوه دڠن كبركتن، آمين يا رَبَّ العالمين.

**سسڠݢوهڽ الله ميوروه كامو سوڤاي ميرهكن أمانه-أمانه كڤد أهليڽ (يڠ برحق منريماڽ) دان اڤبيل كامو منجالنكن حكوم انتارا مأنسي (هندقله) كامو مڠحكوم دڠن عادل. سسڠݢوهڽ الله (دڠن سوروهنڽ ايت) ممبري ڤڠاجرن يڠ سبايک-بايكڽ كڤد كامو. سسڠݢوهڽ الله اداله مها منندڠر لاݢي مها مليهت. {سورة النساء آية : ٥٨}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# TINGKAT KESEDARAN CARA TANGANI KESIHATAN MENTAL





**PEMANGKU Rektor UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kanan, ahli panel forum terdiri daripada Penolong Profesor Kanan Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Elsayyed Abdalla Amin; dan Presiden Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Awang Md. Najib bin Latif.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran kepentingan kesihatan mental kepada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Unit Perkhidmatan Kaunseling, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Rakan Untuk Mu Amalan Terpuji (U.M.A.T) UNISSA mengadakan Forum bertajuk 'Stress Ku Eh! Guide to Academic Management & Wellbeing' sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia 2023.

Ahli panel forum terdiri daripada Penolong Profesor Kanan Fakulti Usuluddin UNISSA, Dr. Elsayyed Abdalla Amin; dan Presiden Persatuan Kemajuan Insan (KESAN), Awang Md. Najib bin Latif.

Majlis diadakan di Dewan Auditorium UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Gangguan mental hadir daripada tekanan yang berterusan dan tidak dikendalikan dengan cara yang betul. Tekanan boleh dihadapi oleh sesiapa sahaja termasuk para pelajar yang sedang berusaha untuk mencapai matlamat hidup mereka.

Antara yang dibincangkan pada forum tersebut ialah cara mengurus tekanan dan menjaga kesihatan mental dari sudut pandangan Islam.

Turut diperjelaskan mengenai stigma masyarakat tentang keimanan dan pesakit mental.

Forum pada petang berkenaan turut diisikan dengan mini pameran daripada agensi jemputan, iaitu Biro Kawalan Narkotik (BKN); Perkhidmatan Psikiatri Kementerian Kesihatan; Royal Brunei Airlines; Kaunseling dan Persatuan Kemajuan Insan (KESAN).

Pelbagai aktiviti diadakan dalam Program Mind To Heart, selain forum kesihatan mental, seperti bazar jualan, Bengkel Art Terapi dan UMAT-zing Race.

Program Mind To Heart berlangsung sepanjang Oktober 2023 dan penyertaan aktiviti dibukakan kepada semua warga UNISSA.

Antara tujuan program diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan kepentingan penjagaan kesihatan mental; meningkatkan kesedaran mengenai cara untuk menangani krisis kesihatan mental dan mengongsikan maklumat.

# KTK 2023 bermula 16 Oktober



**PEMANGKU Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai KTK 2023.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2023 bermula 16 Oktober hingga 12 November 2023.

Tujuan KTK 2023 ialah untuk mengumpulkan maklumat terkini mengenai saiz, struktur, taburan dan ciri-ciri tenaga kerja, pekerjaan, pengangguran dan lain-lain ciri ekonomi penduduk yang akan digunakan dalam membantu perancangan, penyelidikan dan penyediaan dasar tenaga kerja.

Sehubungan itu, Majlis Mengangkat Sumpah bagi Pegawai-pegawai KTK 2023 telah diadakan bagi menandakan bermulanya KTK 2023 yang melibatkan 80 pegawai kajian yang dilantik berlangsung di Dewan Kyoto, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Hadir menyaksikan upacara tersebut ialah Pemangku Ketua Pengarah JPES, Awang Hairol Nizam bin Haji Abdul Hamid.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Pengarah JPES telah memaklumkan bahawa KTK 2023 akan melibatkan kira-kira 3,200 buah keluarga terpilih sahaja di seluruh negara.

Bagi memudahkan proses temu duga ia akan dilaksanakan menggunakan kaedah Computer Assisted Personal Interview (CAPI), di mana pegawai kajian menggunakan tablet bagi menjalankan temu duga bersemuka dengan keluarga terpilih.

Ketua isi rumah yang terpilih dipohonkan untuk memberikan sokongan kerjasama menyediakan awal maklumat yang diperlukan bagi melancarkan proses temu duga seperti nombor kad pengenalan setiap ahli isi rumah serta maklumat lain termasuk pendidikan, pekerjaan dan sebagainya.

Keluarga terpilih adalah dinasihatkan supaya memastikan pegawai-pegawai kajian menemu duga adalah pegawai yang dilantik oleh JPES melalui pas kajian rasmi, surat lantikan dan kad pengenalan mereka serta *vest* rasmi JPES.

Hasil yang diperoleh melalui KTK 2023 adalah sumber maklumat yang penting bagi kegunaan perancangan sosioekonomi negara, akademia, penyelidik, penuntut dan orang ramai bagi keperluan dan kegunaan masing-masing.

Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua keluarga terpilih dalam memberikan maklumat yang tepat dan lengkap adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan kajian ini.

KTK 2023 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, JPES ingin memberikan jaminan kepada semua keluarga atau isi rumah terpilih yang mengambil bahagian dalam kajian ini bahawa maklumat yang dikumpulkan akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.

Menurut Seksyen 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang diperlukan atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.

Sebarang pertanyaan mengenai KTK 2023 ini bolehlah dirujuk ke JPES melalui talian +673 7469844 pada waktu pejabat, atau e-mel *info.statistics@jpes.gov.bn*, atau melaui laman sesawang *deps.mofe.gov.bn*.

# Permohonan Program Pembangunan Belia bagi Tahun 2024 dibukakan

**Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Oktober. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) kini membukakan tawaran bagi para pemohon yang berminat untuk mengikuti Kursus-kursus Program Pembangunan Belia bagi Tahun 2024.

Antara kursus yang ditawarkan ialah Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts; Level 2 Diploma in Food Preparation and Culinary Arts - Patisserie; Level 1 Diploma in Accident Repair Body; ITQ Level 1 Certificate in IT Users; Level 1 Certificate in Engineering - Fabrication and Welding Technology; Skills Proficiency Certificate in Food Preparation; Skills Proficiency Certificate in Basic Refrigeration and Air-Conditioning; Skills Proficiency Certificate in Basic Plumbing; Asas Kemahiran Rekaan Fesyen Teknologi dan Asas Kemahiran Terapi Kecantikan.

Syarat-syarat kemasukan hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam; berumur di antara 18 hingga 35 tahun; sihat tubuh badan dan dapat mengikuti kursus sehingga tamat; mempunyai minat dan kemahuan yang tinggi terhadap kursus yang dipilih.

Kursus adalah percuma dan diberi kemudahan asrama serta elaun kursus.

Tempoh kursus adalah selama 12 bulan, iaitu sembilan bulan menjalani Program Latihan Kemahiran dan Program Pembangunan Diri dan tiga bulan menjalani Program Penempatan Kerja.

Orang ramai bolehlah mendapatkan boring-borang permohonan tersebut semasa waktu pejabat di PPB, Kampung Tanah Jambu, Jalan Utama Tanah Jambu; Pusat Belia, Daerah Brunei dan Muara; Pusat Belia, Daerah Tutong; Pusat Belia Daerah Belait; Pusat Belia, Daerah Temburong atau memuat turun borang melalui Facebook PPB iaitu *https://www.facebook.com/PusatPembangunanBeliaPPB*; melalui Instagram PPB iaitu *@pusat_pembangunan_belia* atau melalui laman sesawang *https://itcydc.wixsite.com/webs.*

Tarikh tutup penghantaran borang permohonan Program Pembangunan Belia Tahun 2024 adalah pada Rabu, 31 Januari 2024 pada jam 4.00 petang.

Borang yang telah lengkap diisikan berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihantar terus ke PPB, Kampung Tanah Jambu, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam, semasa waktu pejabat.

## RALAT

**MERUJUK** Pelita Brunei edisi Rabu, 4 Oktober 2023 pada muka 11, berita bertajuk 'Usaha membina ekosistem pendidikan berdaya tahan', di mana pada perenggan 6 dan 7, ucapan yang diujarkan adalah disampaikan oleh Penolong Profesor dan Timbalan Dekan Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Hajah Norwati binti Haji Abu Bakar bukan seperti yang tertera pada berita berkenaan. Kesilapan itu adalah tidak disengajakan dan disesali. - Ketua Penyuntingan



# 234 orang bakal guru ugama dilahirkan

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Jabatan Penerangan**

KOLEJ Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) akan mengadakan Majlis Konvokesyen Ke-13 KUPU SB esok, Selasa 10 Oktober 2023 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Seramai 234 bakal graduan akan menerima sijil dan diploma dalam program bidang masing-masing iaitu tiga bakal graduan akan dianugerahkan dengan Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama dalam bidang Bahasa Arab dan Pendidikan; 11 bakal graduan akan menerima Ijazah Sarjana Perguruan Ugama dalam bidang Pendidikan Islam, bidang Syariah dan bidang Usuluddin; 53 bakal graduan akan dianugerahkan Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah; 8 bakal graduan dalam program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah (pengajaran bahasa Arab bagi penutur bukan Arab); 71 bakal graduan dalam program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam dengan Minor dalam Akhlak dan Tasawuf Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Bimbingan dan Kaunseling, Dakwah dan Kepimpinan, Falsafah dan Pemikiran Islam, Inovasi dan Teknologi Pendidikan Islam, Keusahawanan Dalam Pendidikan Islam, Kewangan Islam Dalam Pendidikan Islam, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Keluarga Islam, Pendidikan Khas, Pendidikan Melayu Islam Beraja, Pendidikan Sains Kesihatan, Pengajian Al-Qur'an dan al-Sunnah; 76 bakal graduan dalam Program Diploma Tertinggi Perguruan Ugama Pendidikan Islam; 12 bakal graduan dalam Program Diploma Pengajian dalam bidang-bidang pengkhususan termasuk diploma pengajian seni Al-Qur'an, Diploma Pengajian Fiqh Usrah, Diploma Pengajian Kemahiran Jawi dan Kaligrafi dan Diploma Pengajian Kitab Turath.

### Persediaan perjalanan Majlis Konvokesyen

Bagi memastikan perjalanan majlis yang akan diadakan berjalan dengan lancar, beberapa langkah persediaan iaitu dalam aspek persediaan bakal graduan dan dalam aspek keselamatan dilaksanakan.

- Untuk persediaan bakal graduan, dua sesi raptai telah dirancang iaitu raptai pertama pada Sabtu, 7 Oktober 2023 dan raptai penuh diadakan pada hari ini, Isnin, 9 Oktober 2023. Semasa raptai berkenaan, bakal-bakal para graduan diberikan taklimat penuh mengenai atur cara dan perjalanan majlis konvokesyen termasuklah juga penerangan mengenai kepentingan untuk sentiasa mempraktikkan nilai-nilai adab dan akhlak sebagai bakal-bakal guru ugama dan juga peraturan-peraturan yang ditetapkan. Selain itu, bakal graduan juga berkesempatan untuk menjalankan sesi latihan menerima ijazah mereka di atas pentas.
- Para bakal graduan diperlukan untuk hadir tepat waktu pada hari Majlis Konvokesyen nanti dan memastikan agar setiap bakal graduan bersiap sedia berada di tempat yang telah ditetapkan sebelum bermulanya perarakan masuk ke dalam dewan iaitu pada jam 9.20 pagi nanti.
- Untuk para jemputan ibu bapa dan penjaga, pihak KUPU SB akan menyediakan *shuttle bus* untuk para jemputan iaitu bertempat di kawasan stadium tertutup. Para jemputan ibu bapa dan para graduan dinasihatkan untuk meletakkan kenderaan di kawasan-kawasan di sekeliling Stadium Tertutup dan menggunakan kemudahan bas yang disediakan untuk naik ke ICC.
- Turut disarankan kepada para jemputan yang akan hadir termasuk ibu bapa dan bakal graduan untuk melakukan Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu pada hari majlis diadakan dan memuat naik keputusan ART berkenaan ke dalam aplikasi BruHealth. Selain itu, jika ada mana-mana jemputan berasa kurang sihat pada hari berlangsungnya Majlis Konvokesyen nanti, adalah dinasihatkan untuk tidak hadir ke majlis berkenaan.

### Acara sampingan sempena Majlis Konvokesyen

Beberapa acara bersempena Majlis Konvokesyen KUPU SB Ke-13 telah pun dirancang antaranya Majlis Membaca Yaa Siin dan Tahlil yang diadakan pada Rabu, 4 Oktober 2023 yang dihadiri oleh pegawai-pegawai utama KUPU SB, pensyarah dan bakal graduan lelaki yang diadakan di Kubah Makam Diraja.

Selain itu, bagi meraikan lagi kejayaan para graduan, turut diadakan ialah Majlis Kesyukuran pada esok malam, iaitu Selasa, 10 Oktober 2023 jam 7.30 malam. Dalam majlis berkenaan akan diisi dengan beberapa acara termasuk Majlis Khatam Al-Qur'an para graduan, seterusnya Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman KUPU SB bersama dengan beberapa universiti-universiti luar, penyampaian anugerah akademik bagi pelajar cemerlang dan penyampaian wakaf dari pelajar-pelajar.

### Latar belakang KUPU SB

KUPU SB merupakan satu-satunya Kolej Universiti yang menawarkan program-program latihan dalam bidang perguruan ugama di Negara Brunei Darussalam. KUPU SB merupakan kesinambungan dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan iaitu berikutan pengisytiharan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor KUPU SB dalam titah baginda sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1428, bersamaan 20 Januari 2007. Sejak dari penaiktarafannya, KUPU SB semakin giat dalam menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang perguruan Ugama pada peringkat pengajian sijil, diploma, ijazah dan ijazah lanjutan serta kursus-kursus pemantapan bagi bakal guru dan guru yang sudah berkhidmat yang disokong oleh tenaga-tenaga akademik terdiri daripada profesor madya, penolong kanan profesor, pensyarah, penolong pensyarah dan guru ugama.

### Matlamat KUPU SB

KUPU SB berdiri dengan falsafah tersendiri iaitu dengan terus berusaha bagi pembinaan umat bermaruah berasaskan keupayaan sistem pendidikan perguruan dalam menjana tradisi pengajaran-pengajaran *formal* dan *non-formal*, pemaduan tenaga pendidik yang berwibawa, berakhlak mulia, berbudaya ilmu yang tinggi dan kesediaan masyarakatnya untuk dibimbing bagi mendapatkan keberkatan, keredaan dan keampunan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini dilaksanakan melalui penginterasian ilmu, latihan, kajian, perkhidmatan, keterampilan dan teknologi sepertimana yang diperlukan oleh Abad Ke-21 dan perkembangan Revolusi Teknologi 4.0.

### Fakulti dan Pusat KUPU SB

KUPU SB mempunyai empat fakulti utama iaitu Fakulti Pendidikan, Fakulti Syariah, Fakulti Usuluddin dan yang terbaharu ialah Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan. Manakala fakulti-fakulti disokong oleh enam pusat iaitu Pusat Ilmu Teras, Pusat Bahasa, Pusat Pengajian Lepas Ijazah dan Penyelidikan, Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah, Pusat Fiqh al-Usrah dan Pusat Pengkajian Jawi dan Kitab Turath.

Program yang ditawarkan ialah Program Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana Perguruan Ugama, Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Tertinggi Perguruan Ugama, Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah dan Sijil Kebangsaan.

Fakulti Pendidikan menawarkan kursus-kursus profesional pendidikan yang melibatkan aspek metodologi pengajaran, pentadbiran pendidikan, sosiologi pendidikan, kurikulum dan pentaksiran dan penilaian. Fakulti turut menawarkan program-program yang dilaksanakan secara teori dan amali bagi melahirkan bakal guru yang kompeten dan mampu merealisasikan aspirasi pendidikan Negara Brunei Darussalam. Program-program yang ditawarkan di bawah fakulti berkenaan ialah Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Perguruan Ugama Pendidikan Islam, Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah, Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama, Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dan Diploma Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah.

Fakulti Syariah dengan objektif penubuhannya untuk memberi penjanaan intelektual pendidik dengan penerapan ilmu dalam bidang Syariah untuk dipraktikkan dan diaplikasikan dengan sempurna sama ada secara individu, masyarakat dan negara; dan memartabatkan pengajian perguruan ugama dalam bidang Syariah yang bergiat melalui pengajaran-pembelajaran, latihan, kajian, penyelidikan dan perkhidmatan berlandaskan Al-Quran dan al-Sunnah menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Antara program-program yang ditawarkan ialah Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Syariah), Ijazah Sarjana Perguruan Ugama (Syariah), Diploma Pengajian Fiqh, Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh.

Fakulti Usuluddin pula dengan misinya iaitu Memartabatkan ilmu dalam bidang Usuluddin dan Perguruan Ugama melalui pengajaran, pembelajaran, latihan, kajian, penyelidikan, perkhidmatan berlandaskan Al-Quran dan As-sunnah; dan Melahirkan dan membentuk sumber tenaga guru dan pendidik yang bertaqwa, berilmu, berakhlak mulia dan berkemahiran untuk membentuk masyarakat dan bangsa menjalankan perintah Allah dan mengamalkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta menyebarkan dakwah Islamiah ke seluruh alam.

Program-program yang ditawarkan iaitu Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Usuluddin), Ijazah Sarjana Perguruan Ugama (Usuluddin), Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan KUPU SB menawarkan program peringkat Doktor Falsafah Perguruan Ugama dan Sarjana Perguruan Ugama dalam Bidang Sejarah dan Tamadun Islam serta bidang Sastera, Sijil Ikhtisas Kepimpinan Perguruan Ugama Lepasan Ijazah pula ditawarkan secara kerjasama dengan Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia, kursus Teras Universiti (kelayakan bergraduat) dan Program Berkembar (Twinning Programme) dengan kerjasama universiti di luar negara iaitu Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan), Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Tekno-Keusahawanan), Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Keusahawanan Digital), Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Sains Sukan dan Kejurulatihan) dan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama (Keusahawanan Halal) di peringkat Sarjana Muda yang akan dijalankan bermula pada tahun 2024 nanti.

Antara program yang ditawarkan di bawah Fakulti berkenaan ialah Peringkat Ijazah Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Sejarah dan Tamadun) dan Doktor Falsafah Perguruan Ugama (Sastera); Peringkat Sarjana bagi Perguruan Ugama (Sejarah dan Tamadun) dan Perguruan Ugama (Sastera); Peringkat Sarjana Muda bagi Perguruan Muda (Pendidikan Keusahawanan), Perguruan Ugama (Pendidikan Jasmani dan Kesihatan).

Dengan bertambahnya lepasan graduan ini nanti, mudah-mudahan KUPU SB akan terus maju melahirkan modal insan berkemahiran di samping dapat menawarkan pelbagai kursus sesuai dengan keadaan semasa.




# Din Al Islam sediakan set lengkap pengurusan jenazah Islam

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland, Ihsan Din Al Islam**
**Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

KEMATIAN itu pasti dan akan dirasai oleh mereka yang bernyawa. Apabila perginya seorang Muslim, maka wajib bagi kita untuk menguruskan jenazah mengikut proses yang telah ditetapkan dalam Islam. Ilmu Fardu Kifayah ini adalah sangat penting untuk kita ambil tahu dan mempelajarinya. Tiada siapa yang tahu bila datangnya kematian kecuali Allah Subhanahu Wata'ala. Selaku Muslim sejati, kita haruslah sentiasa bersedia dalam menghadapi kematian seperti membanyakkan amal ibadat. Malah ada baiknya juga kita membuat persediaan set kelengkapan jenazah agar tidak menyusahkan ahli keluarga yang ditinggalkan nanti.

Din Al Islam adalah sebuah perusahaan yang menyediakan penjualan Set Kelengkapan Jenazah yang siap digunakan. Ia mula ditubuhkan pada September 2020 yang diasaskan oleh Dayang Nordiyana binti Mohamed Harney dan Dayang Nurul Shahida binti Hamzah. Penubuhan Perusahaan Din Al Islam bermula berdasarkan dari pengalaman sendiri dalam menguruskan pengurusan jenazah keluarga terdekat. Dari situlah mereka tahu betapa susahnya menyediakan kelengkapan jenazah apabila keluarga dalam keadaan berduka. Perkhidmatan ini juga adalah salah satu terapi untuk mereka dengan cara membantu saudara-saudara Islam di luar sana yang memerlukan panduan dalam pengurusan jenazah.

### Moto, visi, misi

Dengan bermotokan 'Satu Set, Satu Jalan Penyelesaian', misi perusahaan ini adalah untuk memudahkan urusan pengurusan jenazah dalam kalangan orang Islam dan menolong untuk melaksanakan Fardu Kifayah secara efisien dan sempurna serta berkongsi pengetahuan mengenai Fardu Kifayah. Manakala visi mereka adalah untuk menjadi satu tumpuan pusat pengurusan jenazah seluruh daerah dengan hanya 'One Call Away' serta menjadi organisasi yang banyak menyumbang ke arah kebaikan bagi orang Islam.

### Set Kelengkapan Jenazah

Perusahaan Din Al Islam telah mengeluarkan sebanyak empat Set Kelengkapan Jenazah.

• Set Pertama : Set Lengkap. Set yang berharga BND250 ini adalah set untuk umum atau disimpan di rumah. Ia disediakan untuk memudahkan semua pihak, yang lazim digunakan oleh pengapai untuk pengurusan penyempurnaan jenazah. Selain itu, set ini juga mengandungi kelengkapan asasi yang diperlukan oleh pihak tuan rumah untuk jenazah. Set lengkap ini juga boleh disimpan di rumah bagi tujuan kegunaan semasa kecemasan sama ada untuk keluarga atau saudara Islam yang lain.

• Set Kedua : Set Masjid dan Nisan. Set ini dijual dengan harga BND200. Lazimnya, ia digunakan apabila pengurusan Fardu Kifayah diuruskan di masjid. Set ini mengandungi barang-barang keperluan yang ada dalam pengurusan jenazah termasuk batu nisan dan set ini juga sesuai untuk disedekahkan bagi di masjid-masjid ataupun kepada jenazah yang disempurnakan di masjid.

• Set Ketiga : Set Masjid. Set yang dijual dengan harga BND150 ini digunakan apabila pengurusan Fardu Kifayah diuruskan di masjid. Set ini mengandungi barang-barang keperluan yang ada dalam pengurusan jenazah tidak termasuk batu nisan dan sesuai untuk disedekahkan ke masjid-masjid ataupun untuk jenazah yang disempurnakan di masjid.

• Set Empat : Set Amal Jariah. Dijual dengan harga BND170, set ini adalah set yang disumbangkan ke masjid-masjid atas sumbangan orang ramai dan untuk kegunaan pengapai menguruskan jenazah di masjid. Selain itu, set amal jariah ini adalah antara barang-barang kecemasan yang selalu dibawa oleh pengapai.

### Pembayaran bagi yang kurang berkemampuan

Bagi mereka yang kurang berkemampuan, Set Pengurusan Jenazah diberikan secara percuma dan tidak dikenakan bayaran kerana pemberian itu adalah infak daripada orang ramai. Manakala bagi pembeli yang ingin membeli secara ansuran, pembeli boleh membayar dengan harga serendah BND10 sahaja.

### Perkhidmatan lain

Perusahaan Din Al-Islam juga membantu dalam memberikan panduan kepada ahli keluarga dalam pengurusan jenazah yang telah kembali ke rahmatullah dari awal permulaan hingga selesai. Selain itu, juga ditawarkan perkhidmatan lain seperti Bengkel Fardu Kifayah di mana orang awam adalah dialu-alukan untuk hadir ke bengkel tersebut untuk mengetahui tatacara secara mendalam tentang pengurusan jenazah. Perusahaan Din Al-Islam juga membuka tabung infaq untuk orang ramai menyumbang atau menginfak set jenazah seangkat-angkat hati untuk meringankan lagi pengurusan jenazah di masjid. Penghantaran ke masjid-masjid juga adalah secara percuma.

Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut, bolehlah mengunjungi Instagram *@dinalislam.bn* atau TikTok *@dinlislam.bn*. Jika sekiranya ada kecemasan bagi pengurusan jenazah, orang ramai juga boleh menghubungi Hotline mereka menerusi talian +673 8135844 atau +673 8255844.

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# GEMPA BUMI AFGHANISTAN : ANGKA KEMATIAN MENINGKAT 120 ORANG, 1,000 CEDERA

**HERAT (Afghanistan)**, 8 Okt. - Sekurang-kurangnya 120 orang terbunuh manakala kira-kira 1,000 lagi cedera apabila gempa bumi menggegarkan Herat, Afghanistan dan wilayah barat lain, Xinhua memetik seorang pegawai tempatan dari Herat memberitahu wartawan.

Kira-kira 1,000 orang yang cedera telah dibawa ke hospital di ibu negeri wilayah bandar Herat, kata pegawai itu, sambil menambah 12 kampung di daerah Zindajan dan Ghorian di Herat musnah akibat gempa bumi, kata pengarah wilayah Herat untuk Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Alam negara, Mawlawi Musa Ashari.

Menurut Pusat Rangkaian Gempa Bumi China, dua gempa bumi dengan magnitud 6.2 menggegarkan Afghanistan pada Sabtu.

Terdahulu, satu kenyataan dari Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Alam negara itu mengatakan 15 orang maut dan 40 cedera, tetapi penduduk tempatan percaya jumlah mangsa terbunuh mungkin lebih tinggi.

Kenyataan itu menambah bahawa angka kematian mungkin meningkat kerana tiada laporan diterima dari wilayah Badghis dan Farah.

Gempa bumi itu berlaku sekitar 11.10 waktu tempatan (0640 GMT), memaksa penduduk keluar dari rumah mereka, kata penduduk tempatan. Banyak rumah telah rosak atau musnah sepenuhnya akibat gempa tersebut, menurut kenyataan itu.

Pasukan penyelamat telah dihantar ke kawasan yang terjejas, dan pegawai berkaitan telah diarahkan untuk menyelaraskan usaha dengan agensi bantuan untuk membekalkan bantuan kemanusiaan kepada mereka yang terjejas. - ©BERNAMA

## Itali gariskan pelan kecemasan susulan aktiviti gempa bumi meningkat dekat Naples

**ROME**, 7 Okt. - Pihak berkuasa Itali telah merangka pelan kecemasan, termasuk pemindahan besar-besaran penduduk yang tinggal di kawasan Phlegraean Fields berhampiran Naples, susulan siri gempa bumi berulang di rantau itu baru-baru ini.

Pelan yang diluluskan oleh Kerajaan Itali pada malam Khamis, mengandungi langkah-langkah melindungi penduduk tempatan dan infrastruktur daripada gegaran besar dan letusan gunung berapi, lapor Xinhua.

Ia mesti diselesaikan dalam tempoh 60 hari, dan disokong dengan 52.2 juta (AS$55.3 juta), menurut Kabinet.

"Ujian tekanan" telah dijalankan pada Jumaat di hospital di bandar-bandar sekitar Padang Phlegraean, dan simulasi pemindahan dijadualkan berlangsung pada akhir Oktober, lapor media tempatan.

Padang Phlegraean, dikenali sebagai Campi Flegrei ialah kawasan padat penduduk, meliputi kira-kira 130 km persegi di barat Naples.

Wilayah ini menyaksikan 1,118 gempa bumi pada Ogos sahaja, menurut laporan bulanan terkini oleh Institut Geofizik dan Vulkanologi Kebangsaan Itali (INGV).

Kejadian seismik terkini termasuk 270 gegaran yang direkodkan antara 25 September dan 1 Oktober, termasuk gempa bumi 4.2 pada skala Richter pada 27 September, dan 4.0 pada skala Richter pada 2 Oktober, menurut INGV.

Dalam buletin terbaharu , pakar INGV berkata situasi semasa tidak menunjukkan sebarang ancaman segera di kawasan itu, walaupun terdapat aktiviti seismik yang berterusan.

Menteri Perlindungan Awam Itali, Nello Musumeci juga berkata pelan pemindahan besar-besaran akan dilaksanakan 'sekiranya keperluan mendesak'.

Dana yang diperuntukkan oleh kerajaan untuk rancangan itu juga akan membantu pihak berkuasa tempatan memperkukuh keupayaan tindak balas kecemasan dan melancarkan kempen kesedaran awam.

Aktiviti seismik yang berterusan di Padang Phlegraean, meskipun bukan fenomena baharu bagi penduduk tempatan, dikaitkan dengan 'bradyseism', yang merujuk kepada kenaikan atau penurunan permukaan bumi secara beransur-ansur. (1 euro = 1.06 dolar AS)-©BERNAMA

## Amazon lancar satelit pertama ke orbit

**LOS ANGELES**, 7 Okt. - Sepasang satelit pertama Amazon dilancarkan ke orbit pada Jumaat, memacu rancangannya untuk membina rangkaian satelit di orbit Bumi.

Roket Atlas V United Launch Alliance (ULA) yang membawa Protoflight untuk rangkaian satelit Amazon Project Kuiper berlepas pada 2.06 petang Jumaat dari Stesen Angkatan Angkasa Cape Canaveral di Florida.

Maklumat tentang saiz dan reka bentuk sepasang satelit Amazon itu bagaimanapun tidak didedahkan.

Pelancaran Protoflight ialah misi pertama dalam perkongsian komersial yang lebih luas antara ULA dan Amazon, lapor Xinhua.

"Pelancaran awal ini merupakan langkah pertama dalam menyokong penggunaan inisiatif Amazon untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar yang pantas dan mampu milik kepada komuniti yang tidak mendapat akses dan kurang mendapat perkhidmatan di seluruh dunia," kata Gary Wentz, naib presiden ULA bagi Program Kerajaan dan Komersial.

Projek ini dijangka dapat membantu menutup jurang digital dengan menyampaikan jalur lebar yang pantas dan mampu milik kepada pelbagai pelanggan, termasuk pengguna, perniagaan, agensi kerajaan dan organisasi lain yang beroperasi di tempat tanpa sambungan yang boleh dipercayai.

Amazon cuba menyaingi SpaceX, yang telah mengembangkan perkhidmatan internet satelit Starlink kepada lebih daripada 2 juta pelanggan.

Satelit pengeluaran pertama Amazon berada di landasan untuk dilancarkan pada separuh pertama 2024, dan ia menjangkakan akan berada dalam ujian beta dengan pelanggan komersil awal menjelang akhir 2024, menurut syarikat itu. - ©BERNAMA

## Rumah pengurusan mayat AS disiasat selepas lebih 100 mayat reput dijumpai

**LOS ANGELES**, 7 Okt. - Sebuah rumah pengurusan mayat di Colorado, Amerika Syarikat disiasat selepas lebih 100 mayat reput ditemui di kemudahan itu, menurut pihak berkuasa tempatan pada Jumaat.

Mayat terbabit dijumpai pada Rabu di Rumah Pengebumian Return to Nature di Penrose, sebuah bandar di Fremont County.

Polis menyiasat kemudahan pengebumian "hijau" itu dan menemui sekurang-kurangnya 115 mayat reput di dalamnya, lapor Xinhua.

"Kawasan tempat mayat disimpan tidak diurus dengan sewajarnya dan keadaan ini adalah mengerikan," kata Sheriff Daerah Fremont Allen Cooper.

"Terdapat banyak persoalan dan kebimbangan yang diutarakan oleh masyarakat, terutama keluarga yang memberi kepercayaan menyerahkan mereka tersayang untuk diuruskan oleh rumah pengebumian ini, " katanya.

Koroner Daerah Fremont Randy Keller berkata kecemasan bencana telah diisytiharkan di daerah itu.

Tiada tangkapan dibuat setakat ini, tetapi Keller berkata siasatan masih di peringkat awal dan akan menjadi proses yang sangat panjang.

Gabenor Colorado Jared Polis mengeluarkan pengisytiharan bencana kecemasan malam Khamis untuk menyediakan "sumber untuk menyokong siasatan dan pembersihan kemudahan".

Return to Nature Funeral Home telah beroperasi sejak tiga generasi. - ©BERNAMA

## 17 migran maut selepas bas dinaiki terbalik di Mexico

**BANDARAYA MEXICO**, 7 Okt. - Sekurang-kurangnya 17 orang terbunuh apabila bas yang membawa migran, kebanyakannya warga Venezuela terbalik di lebuh raya di selatan Mexico pada pagi Jumaat, menurut pihak berkuasa.

Kemalangan berlaku kira-kira 4.30 pagi waktu tempatan, di lebuh raya yang menghubungkan Oaxaca dan Puebla, menurut pusat penyelarasan perlindungan awam Oaxaca.

Sekurang-kurangnya 17 orang terbunuh manakala 25 yang cedera sedang dirawat di hospital, Xinhua memetik laporan awal.

Pihak berkuasa menutup sebahagian jalan di kedua-dua arah.

Bas penumpang itu dilaporkan membawa 55 pendatang.

"Kakitangan kerajaan kami sudah memberikan sokongan kepada mereka yang terjejas," kata Gabenor Oaxaca Salomon Jara di platform media sosial X, yang dahulu dikenali sebagai Twitter. - ©BERNAMA

## Thailand salur 3.6 juta baht, sokong tugas UNICEF di sempadan Myanmar

**BANGKOK**, 7 Okt. - Thailand menyumbang 3.6 juta baht (100 baht = RM12.79) kepada Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unicef) bagi menyokong program kemanusiaan khususnya dalam cabaran kesihatan awam di sepanjang sempadan Thailand-Myanmar.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Luar Parnpree Bahiddha-Nukara menyampaikan sumbangan itu kepada Wakil UNICEF ke Thailand, Kyungsun Kim.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar menjelaskan sumbangan kewangan itu akan menyokong aktiviti Unicef berkaitan imunisasi ibu dan anak, program WASH (Air, Sanitasi, dan Kebersihan), serta pemakanan di negeri Kayin dan Kayah Myanmar, yang bersempadan dengan Thailand.

"Ia menggariskan peranan konstruktif Thailand dalam menyokong kerja-kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta komitmen Thailand untuk menyokong usaha kemanusiaan di Myanmar.

"Ia juga akan membantu mengukuhkan sistem kesihatan awam di sepanjang sempadan Thailand-Myanmar, yang akan memberi manfaat kepada rakyatnya yang tinggal di kawasan sempadan ini," katanya. - ©BERNAMA

## ASEAN, rakan kongsi promosi kerjasama lebih baik dalam sektor pertanian, perhutanan

**KUALA LUMPUR**, 7 Okt. - ASEAN dan rakan kongsinya, Jepun, China dan Korea Selatan digalakkan untuk meneruskan usaha dalam menyokong bidang keutamaan bagi meningkatkan kerjasama dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan di rantau ini.

Kenyataan bersama yang dikeluarkan selepas mesyuarat Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) Plus Three ke-23 yang diadakan di sini, pada Jumaat menggariskan bahawa ini termasuk dalam mempromosikan pertanian hijau, mampan dan "circular" , pengurusan hutan lestari, mengurangkan penggunaan bahan kimia berbahaya dalam sektor pertanian dan mempromosikan penyelesaian berasaskan alam semula jadi.

Bidang keutamaan utama lain yang dikenal pasti adalah dalam usaha penyahkarbonan, menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam pertanian dan perhutanan, memerangi rintangan antimikrob (AMR) dan memastikan sumber tanah dan air yang mampan.

Ia juga menggesa semua rakan kongsi dan pihak berkepentingan yang berkaitan, termasuk sektor swasta untuk bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN dan negara anggota ASEAN dalam merangka dan melaksanakan inisiatif yang melengkapkan bidang keutamaan terbabit, menurut kenyataan itu.

Mesyuarat itu diadakan sempena Mesyuarat AMAF ke-45, dipengerusikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu. - ©BERNAMA

# PASUKAN KARATE NEGARA SELAMAT TIBA KE TANAH AIR




**KEPULANGAN Kontinjen Negara Brunei Darussalam dari Sukan Asia Ke-19 disambut oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta pegawai-pegawai kementerian berkenaan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Ahad, 8 Oktober. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada pasukan karate wanita selamat tiba ke tanah air lewat petang tadi selepas menyertai Sukan Asia Ke-19 di Hangzhou, China.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Dalam temu bual bersama media, Farhah Syahirah binti Mohd Shamrin, mewakili rakan pasukannya melahirkan rasa gembira dan berpuas hati dengan mutu persembahan mereka dan berjaya mendapat pingat gangsa.

Beliau juga turut menjelaskan rata-rata para saingan mereka sangat kuat dan mencabar kerana ada kalangan peserta dari negara-negara bersaing adalah yang pernah menyertai dan memenangi pingat Olimpik.

"Walau bagaimanapun, ia tidak melemahkan semangat pasukan kita untuk menunjukkan mutu persembahan yang terbaik," ujarnya.

Sementara itu, Jurulatih Karate Kata, Anggoro Bayu Pratama, berkata prestasi pasukan Kata adalah sangat baik dan beliau juga amat berpuas hati dengan mutu persembahan mereka, walaupun kalah tipis dengan Malaysia.

"Namun, ia tidak akan melemahkan semangat pasukan untuk terus berlatih bagi menyertai kejohanan-kejohanan yang akan datang," jelas beliau.

Pasukan karate negara berjaya menyumbang satu pingat gangsa bagi acara Women's Team Kata melalui atlet kata, iaitu Farhah Syahirah binti Mohd Shamrin; Rodyatul Adhwanna binti Bakar dan Farhana Najeha binti Abdul Rahman.




# Riadah Mendaki Bukit erat silaturahim penduduk kampung



**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TUTONG,** Ahad, 8 Oktober. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Bukit Panggal Daerah Tutong pagi tadi mengadakan Riadah Mendaki Bukit (*hiking*) sejauh 4 kilometer yang berlangsung di Trek Cutting Hill Warrior, Kampung Bukit Panggal.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyertai riadah berkenaan, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Aktiviti riadah berkenaan antara lain bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat, selain mengeratkan hubungan silaturahim bersama para penduduk kampung dan penggemar aktiviti mendaki bukit.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan lokasi baharu sebagai salah satu lagi tarikan tempat Riadah Mendaki Bukit di kawasan Kampung Bukit Panggal kepada orang ramai.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub yang juga Penghulu Mukim Ukong serta Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung serta kumpulan penggemar *hiking* dan penduduk kampung sekitarnya.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyertai riadah berkenaan (atas kiri dan kiri).**

ePaper Pelita Brunei




# DATO HARITH HAJI KARIM JUARA KEJOHANAN GOLF AMAL PUSAT EHSAN

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**MENTIRI**, Ahad, 8 Oktober. - Dato Harith Haji Karim muncul juara Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-23 bagi Overall Top 12 dengan 74 pukulan sekali gus membawa pulang piala rebutan The Patron's Challenge Trophy.

Sementara naib juara disandang oleh Moksin Jinaidi dengan 76 pukulan dan tempat ketiga dimenangi oleh Tony Haji Karim dengan 77 pukulan.

Kejohanan Golf Amal yang bermula pada Jumaat lalu disertai 173 pemain dan berjaya mengumpul dana sebanyak BND20,000.

Penyampaian hadiah utama disempurnakan oleh tetamu kehormat iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof yang berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri, Kampung Mentiri.

Selain hadiah kejohanan, para pemain juga berpeluang merebut hadiah cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah barangan elektrik serta beberapa lagi hadiah menarik.

Dengan tema 'Penjagaan Berkekalan' (Perpetual Care), perlawanan dikendalikan mengikut Sistem 36 (Stroke Play) dan setiap penyertaan perlu membayar BND100, di mana ia adalah termasuk sarapan pagi, makan tengah hari dan *buggy*.

Pusat Ehsan merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan yang ditubuhkan bukan untuk mendapatkan keuntungan tetapi untuk mendapatkan dana sepenuhnya daripada derma dan sumbangan daripada masyarakat.




**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II bergambar ramai bersama para pemenang Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-23.**

Selain itu, pusat berkenaan juga sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa yang di bawah jagaan pusat tersebut.

Antara objektif kejohanan adalah untuk meningkatkan lagi dana bagi pusat tersebut, di samping memberikan peluang orang ramai terutama dari sektor swasta dan korporat, untuk menaja dan menderma melalui sukan Golf sama ada dengan mengambil bahagian dalam pertandingan atau hanya menderma kepada pusat tersebut.

Perlawanan merupakan sebahagian daripada kempen kesedaran yang berterusan bagi orang-orang awam untuk membimbing dan menjaga Orang Kurang Upaya.

# Walkaton Hari Guru : Galak amalan cara hidup sihat



**YANG Berhormat Menteri Pendidikan selaku tetamu kehormat melancarkan pelepasan peserta Walkaton (atas sekali). Sementara gambar atas, antara yang menyertai dan memeriahkan acara Walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Oktober. – Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum mengadakan acara Walkaton sempena Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan (BSB).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan pelepasan peserta Walkaton, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Acara Walkaton sejauh 3 kilometer berkenaan bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Acara berkenaan adalah merupakan salah satu aktiviti riadah sukan bagi memeriahkan Sambutan Hari Guru Ke-33, Tahun 2023 dengan tema 'Guru Berkualiti Pemacu Transformasi Pendidikan'.

Penganjuran acara Walkaton berkenaan antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta orang ramai.

Selain itu, ia juga menggalakkan amalan cara hidup yang sihat, sokongan bagi mencapai Kempen 80 Billion Steps Together Challenge Kementerian Kesihatan dan menyemarakkan lagi suasana Program Bandarku Ceria.

Di samping itu, acara Walkaton pada tahun ini juga diisikan dengan beberapa acara sampingan termasuk Jejak Ta'limi anjuran Jabatan Pendidikan Kokurikulum yang merupakan aktiviti mini *treasure hunt* di sekitar BSB untuk memeriahkan lagi acara Walkaton, di samping menguji para peserta melalui daya pemikiran, fizikal dan kemahiran.

Penyertaan acara berkenaan dibukakan kepada warga Kementerian Pendidikan, KHEU serta ahli keluarga masing-masing yang membuat pendaftaran awal.

Acara Sukan Ria sempena Hari Keluarga Kementerian Pendidikan anjuran Jabatan Sekolah-sekolah juga turut diadakan, iaitu acara Sukan Ria yang diisikan dengan beraneka aktiviti kendalian setiap kluster di Jabatan Sekolah-sekolah.

Penyertaan acara berkenaan dibukakan kepada warga Kementerian Pendidikan dan orang ramai.

Sementara itu, Rabah Rimpah CDD anjuran Jabatan Perkembangan Kurikulum pula, iaitu aktiviti berpasukan yang menguji minda dan fizikal dengan para peserta perlu menyelesaikan cabaran berbentuk kuiz atau aktiviti fizikal di setiap *checkpoint* sebelum mara ke *checkpoint* seterusnya.

Penyertaan acara berkenaan dibukakan kepada warga Kementerian Pendidikan, KHEU dan orang ramai.

Turut hadir semasa acara berkenaan ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, para pegawai kanan, para pemimpin sekolah dari Kementerian Pendidikan dan KHEU.



PERTINGKATKAN AMALAN KEROHANIAN, MEMINTA KEAMPUNAN DARIPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DENGAN BERISTIGHFAR